



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 28

Selasa

3 November 2020

K A N D U N G A N

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat
Di Bawah P.M. 90(2) (Halaman 5)

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 5)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 16)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):

■ **Bantahan Keras Terhadap Kenyataan Berunsur Islamfobia
Oleh Presiden Perancis** (Halaman 45)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 46)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 (Halaman 47)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 3 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini Selasa (3 November 2020), Rabu (4 November 2020) dan Khamis (5 November 2020) bersidang dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.”

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum diminta sokongan, saya hendak minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Berhormat Menteri ada menyebut, ada empat orang staf Dewan Negara yang dikatakan positif COVID-19. Saya difahamkan semua staf di Parlimen ini melakukan COVID-19 *test*-nya pada 28 Oktober 2020. Sekurang-kurangnya tiga hari. Ini bermakna 29 dan 30 Oktober mereka masih berada di sini dan berlegar, bertemu antara satu sama lain, mungkin berselisih dengan Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Petang semalam pula, Ketua Pengarah Kesihatan menyatakan ada polis bantuan Parlimen juga turut positif dan mereka sudah tentu 28 Oktober 2020 juga mengadakan COVID-19 *test* dan 29 dan 30 Oktober mereka berlegar di sini. Walaupun Dewan ini *disanitizikan* tetapi manusia itu sentiasa berhubung. Jadi, saya agak bimbang dalam suasana dan keadaan begini. Pertama, apakah benar

empat orang staf Dewan Negara itu positif? Apakah benar polis bantuan Parlimen juga merupakan positif? Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya beri penjelasan. Akan tetapi, bolehkah kita selesaikan usul ini dulu? Kemudian saya bagi penjelasan. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Sebelum kita ke usul kedua, sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya, laporan semalam itu yang mengatakan polis bantuan kita itu mendapat COVID-19 itu sebenarnya tidak benar. Bukan polis bantuan kita sebenarnya. Polis bantuan yang berkhidmat di tempat lain. Jadi, perkara itu satu kesilapan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya difahamkan polis bantuan itu di JPM.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tapi bukan bertugas di sini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya difahamkan begitu. Kalau betul di JPM, bermakna bahawa wakil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri JPM, Yang Berhormat Timbalan Menteri JPM itu saya bimbang mereka hadir ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, dia bukan bertugas di sini. Saya difahamkan dia bertugas di tempat lain dan itu merupakan satu kesilapan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak, maksud saya—saya difahamkan polis bantuan itu yang dikatakan positif itu polis bantuan di JPM?

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah JPM tetapi dia...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Di bawah JPM?

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah JPM, boleh jadi. Akan tetapi, bukan bertugas di Jabatan Perdana Menteri. Dia bertugas di tempat lain, bukan di pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan di pejabat Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, bukan.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu nombor satu. Keduanya, mengenai Dewan Negara itu, bukan staf Dewan Negara. Dia ialah staf kepada seorang Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang datang membuat *testing* pada hari Rabu

kerana mungkin Yang Berhormat Senator tersebut dan stafnya hendak menghadiri persidangan Belanjawan pada hari Jumaat ini. Jadi, mereka datang buat *testing* dan didapati bahawa mereka positif. Akan tetapi, mereka tidak datang ke Parlimen hari-hari dan berlegar-legar di kawasan Parlimen. Jadi, itu bukan kesnya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, bermakna Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Buat kenyataan semalam tidak betullah itu?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, kenyataan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kenyataan Yang Berhormat Menteri, Kenyataan Yang Berhormat Menteri. Saya ada video yang dirakam yang menunjukkan bahawa...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kita main video. Kita main video.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kata beberapa orang staf Dewan Negara, bukan staf Ahli Dewan Negara. Selepas itu baru dia sebut, hanya termasuk staf Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ada kata staf kah semalam? Saya pun tidak ingat.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta— ini ada perbezaan antara apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua dan apa yang dikatakan oleh Ketua Pengarah kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan keluarkan kenyataan.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Ini membawa kekeliruan. Ini kerana, saya dengar ada tujuh lebih orang yang positif yang bekerja di keliling Dewan Rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan keluarkan...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: So, apa yang *you* kata dan apa yang dikatakan oleh Ketua Pengarah itu lain. *So, I think...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: *You have— No, you have to correct it.* Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, saya akan keluarkan...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Dengar, dengar saya cakap dulu. Kalau ada keperluan untuk kita buat ujian yang tetap, buatlah ujian. Jangan katakan kita kena buat ujian dalam dua minggu sekali dan sebagainya, tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: *This is the most... [Tidak jelas]* Kalau kena buat ujian, kita buat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sebenarnya dah bincangkan perkara ini dengan Datuk Ketua Pentadbir Parlimen pagi-pagi tadi lagi. Kita akan keluarkan penjelasan, ya. Bawa bertenang.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tadi kerana pegawai yang terlibat Yang Berhormat Senator, berkongsi pejabat dengan saya.

■1010

Saya hanya hendak tahu, bilakah kali terakhir pegawai tersebut datang ke office? Adakah office itu telah disanitasikan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat ada di sini, maksudnya Yang Berhormat negatif kan?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Maksud saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Senator terlibat berkongsi pejabat dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Kami ditempatkan di pejabat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Saya hanya ingin tahu, bilakah kali terakhir pegawai tersebut yang disahkan positif itu berada di pejabat? Apakah pejabat telah disanitasi sebelum kami masuk semalam? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita lihat pada... *[Kurang jelas]*

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang *you* kena faham. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam ini, kalau sepatutnya ikut peraturan yang ada, dia mesti kuarantin untuk 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk sekejap. *Don't jump...*

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: *You* kena faham isu yang kita ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham, semua kita faham. Kenapa hendak dibuat isu? Bawa bertenang, kita semua ada SOP. Kita semua jaga

keselamatan masing-masing. Okey? Kita semua di sini, *meaning* kita negatif kan? Sila, usul nombor dua.

USUL

MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)

10.11 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul saya yang kedua berkaitan dengan usul yang pertama tadi. Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk memberhentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 16(6) iaitu bagi membolehkan Persidangan Kamar Khas pada hari ini, Selasa 3 November 2020, Rabu 4 November 2020 dan Khamis 5 November 2020 diawalkan ke pukul 11.30 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari atau setelah selesai urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.”

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan adakah kementerian bercadang mewujudkan tempat pembuangan sisa klinikal khas di setiap negeri sejak negara dilanda COVID-19 kerana terdapat peningkatan pembuangan sampah seperti penutup muka, botol pembasmi kuman dan sarung tangan terutama di Sungai Klang sejak Mac tahun ini.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Machang yang bertanya soalan. Sisa klinikal ini didefinisikan sebagai sebarang sisa yang mengandungi sama ada keseluruhan atau sebahagian tisu manusia, darah, cecair tubuh, dadah, ubat, hasilan farmasi, *swab*, jarum alat suntikan, peralatan tajam yang boleh mendatangkan

jangkitan dan ancaman kesihatan kepada sesiapa yang menyentuh dan mengendalikannya. Itu definisi sisa klinikal.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa sejak wabak COVID-19 ini melanda negara, secara keseluruhannya sisa klinikal meningkat sebanyak 20 peratus dan ia dikelaskan sebagai sisa buangan terjadual yang memerlukan prosedur pengendalian serta pelupusan khas sebagaimana yang digariskan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Perkhidmatan pengurusan sisa klinikal ataupun *clinical waste management services* di hospital kerajaan merupakan salah satu skop di bawah penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang dikendalikan dan dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh pihak kerajaan dan perlu mempunyai lesen berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar untuk pengoperasian, pengangkutan dan pelupusan sisa klinikal.

Semua sisa buangan daripada fasiliti seperti pelindung anggota perubatan (PPE) dikategorikan sebagai sisa klinikal semasa penggunaan bagi mengendalikan pesakit COVID-19. PPE ini akan dikumpulkan dan dilupuskan di loji pelupusan sisa klinikal yang mempunyai teknologi pengawalan pencemaran alam sekitar. Di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, buangan seperti bahan-bahan plastik pakai buang yang dijana daripada fasiliti kesihatan ataupun pusat kuarantin COVID-19 yang diwartakan oleh Kerajaan Malaysia dikategorikan sebagai buangan terjadual dengan kod buangan terjadual SW 404, yakni buangan patogenik yang di mana buangan klinikal atau bahan yang dikuarantinkan seperti pakaian PPE *frontliner* dan kapas persampelan dan lain-lain buangan klinikal yang berpatogenik.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, buangan sisa klinikal tersebut perlu dilupuskan di premis yang ditetapkan buangan terjadual yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Adalah menjadi kesalahan di bawah seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, jika seseorang didapati telah menempatkan atau meletakkan atau melupuskan buangan tersebut di premis yang bukan ditetapkan dan tidak dilesenkan oleh JAS tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Jika disabit kesalahan, boleh dikategorikan atau dipenjarakan tidak lebih daripada lima tahun dan denda tidak lebih daripada RM500,000.

Walau bagaimanapun, buangan seperti plastik, pelitup muka pakai buang yang diguna pakai oleh orang awam di premis seperti pasar basah, pasar raya, pejabat, kilang dan seumpamanya yang digunakan bagi tujuan perlindungan diri pada jangkitan adalah dikategorikan sebagai buangan domestik dan tidak dikategorikan sebagai sisa klinikal atau buangan terjadual. Buangan tersebut dilupuskan sebagai buangan domestik, yakni sisa pepejal seperti sampah yang diuruskan oleh pihak

berkuasa tempatan atau di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, memandangkan kepada sisa-sisa buangan ini boleh menyebabkan penularan wabak pandemik COVID-19 ini, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengenakan syarat-syarat kepada beberapa premis lain yang terlibat dengan pengguna seperti kedai gunting rambut yang juga menggunakan peralatan PPE yang agak banyak setiap hari mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN dan juga KKM. Ini seperti penggunaan plastik pembuangan sampah dalam bentuk warna yang berbeza.

Selain daripada itu, adakah pihak kementerian bercadang untuk menilai semula dan memperketat penguatkuasaan undang-undang pencemaran sungai memandangkan ia masih berleluasa sehingga menyebabkan gangguan bekalan air bersih kepada pengguna serta apakah langkah proaktif bagi mengatasi masalah-masalah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih kepada soalan tambahan. Untuk makluman, PPE ini ada dua kategori. Satu, kategori yang kita kategorikan sebagai klinikal dan satu lagi yang bukan klinikal. Apa yang digunakan oleh orang awam termasuk kedai gunting rambut dan sebagainya, ia tidak dikategorikan sebagai *clinical waste*. Maka oleh kerana itu, ia tidak ada keperluan untuk kita letakkan ia sebagai satu pengurusan sebagaimana *clinical waste*.

Kedua, ia akan meningkatkan kos dan boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan orang awam. Sebagai contoh, *clinical waste* kita letakkan di bawah plastik yang berwarna kuning dan ditagkan dengan satu kawalan khusus supaya ia dapat dikendalikan dengan sempurna. Manakala PPE biasa yang digunakan oleh orang awam, ia dikategorikan sebagai sisa domestik dan ia boleh dilupuskan melalui prosedur biasa yang digunakan oleh pihak kerajaan tempatan di bawah Kementerian KPKT.

Jadi sehubungan dengan itu, pihak kementerian tidak bercadang untuk mengkategorikan atau menyemak kembali sebab prosedur yang ada sedikit sudah cukup. Memadai dengan apa yang ada bagi memastikan bahawa sisa klinikal sahaja diuruskan dengan cara yang teratur, manakala sisa domestik akan diurus sebagaimana prosedur biasa. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan kedua? Kalau tidak ada saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua kalau boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, dari mana itu?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedar berdasarkan laporan *International Finance Corporation* yang bertajuk *COVID-19's Impact on the Waste Sector* menunjukkan penurunan aktiviti kerana kewaspadaan terhadap jangkitan COVID-19 dan sekali gus disebabkan penambahan penggunaan plastik pakai buang menggantikan beg yang boleh dikitar semula kerana takut jangkitan COVID-19.

Saya ingin bertanya dan sekali gus ia juga akan menjejaskan prestasi komitmen kita kepada SDG. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, nyatakan inisiatif-inisiatif khusus untuk melestarikan alam sekitar seperti kempen kitar semula yang dilaporkan terjejas akibat pandemik ini? Apakah inisiatif-inisiatif lain yang difikirkan oleh kementerian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih. Isu yang dibangkitkan sekarang ini ialah peningkatan penggunaan sisa plastik yang ini merupakan salah satu antara perkara besar yang dilihat oleh pihak kementerian. Di antara inisiatif yang kita rangka bagi mengurangkan penggunaan khususnya plastik *single-used*, sekali guna ini ialah kita memastikan supaya pertamanya, ia dikendalikan dengan cara yang rapi dan teratur. Tindakan beberapa buah pusat perniagaan yang telah pun mengenakan pelbagai syarat terutamanya sebagai contoh di Pulau Pinang dia mengenakan caj pada setiap plastik yang digunakan dengan kadar yang tertentu. Pada umumnya 20 sen sehelai plastik tetapi sekarang ini pada setiap helai plastik dikenakan caj dan ini di antara usaha yang dibuat bagi mengurangkan penggunaan plastik.

Jadi oleh sebab itu bagi pihak kementerian, kita memandangkan serius isu peningkatan plastik ini tetapi yang penting di peringkat ini ialah pengurusan sisa tersebut dengan kaedah yang teratur sebagaimana peraturan-peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

2. Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah perancangan strategik pihak kerajaan bagi membendung kegiatan judi tidak berlesen dalam masyarakat supaya masalah sosial di kalangan rakyat dikurangkan sekali gus pada masa yang sama dapat menambah hasil percukaian negara.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Menteri Dalam Negeri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat komited dalam menangani aktiviti perjudian haram di seluruh negara yang boleh menjadi punca kepada pelbagai masalah kewangan individu dan masalah sosial. Pihak PDRM juga mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipat gandakan lagi usaha untuk memastikan aktiviti perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, judi tidak berlesen antara lain adalah sebagai judi *online*, *illegal 4D* dan lain-lain lagi.

Sehingga kini langkah-langkah lain yang telah diambil oleh pihak PDRM adalah seperti berikut;

Pertama, bilik gerakan khas yang beroperasi selama 24 jam masih lagi dibuka selepas arahan Ketua Polis Negara bermula daripada 20 Julai 2018. Ini adalah bertujuan untuk menerima aduan daripada masyarakat dan mengambil tindakan berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Risikan akan dijalankan berdasarkan maklumat yang diperolehi hasil daripada aduan orang awam melalui talian *hotline* ke bilik gerakan khas tersebut.

Kedua, menjalankan pemeriksaan dan serbuan melalui Ops Dadu di premis-premis judi haram dan tindakan diambil ke atas penganjur, penulis dan pembeli loteri haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Berdasarkan statistik Ops Dadu Khas dari 1 Januari hingga 31 Oktober 2020, sebanyak 12,526 serbuan telah dilakukan melibatkan 21,515 tangkapan serta jumlah wang rampasan sebanyak RM8,168,281.

Ketiga, selain melakukan operasi pembanterasannya secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah *Prevention of Crime Act 1959* (POCA). Dari 1 Januari sehingga Oktober 2020 sebanyak 428 individu telah ditahan di bawah POCA.

Keempat, menjalankan kerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti bagi tujuan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air di premis-premis yang telah dikenal pasti menjalankan kegiatan ini.

Kelima, kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyekat laman web judi *online*. Sejak 2012 sehingga Oktober 2020,

sebanyak 1,406 laman web judi *online* telah disekat. Bagi tahun 2020 sahaja sebanyak 86 laman web judi *online* telah pun disekat.

Keenam, menyeru semua lapisan masyarakat untuk membantu dalam usaha membanteras perjudian tanpa lesen ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis.

Ketujuh, membuat hebahan melalui semua platform media dan juga melalui program-program advokasi bersama masyarakat bertujuan memberi maklumat dan kesedaran awal dalam kalangan masyarakat dan keluarga tentang kesan negatif dan hukuman yang akan diterima sekiranya terlibat dalam aktiviti ini.

Kelapan, kementerian ini juga terlibat dengan kajian undang-undang berkaitan perjudian ini. Termasuk juga meneliti dari segi kadar hukuman, pemakaian undang-undang dan skop pelesenan untuk memastikan undang-undang berkenaan sentiasa relevan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan setiap tahun, pengusaha-pengusaha nombor ramalan berlesen menyumbangkan lebih kurang RM2 bilion kepada pihak kerajaan dalam bentuk cukai judi, cukai jualan, duti pertaruhan *pool* dan juga pendapatan cukai korporat. Ia merupakan salah satu penyumbang percukaian yang terbesar di negara ini selepas Petronas. Pasaran sindiket nombor haram ini dianggarkan 1.5 hinggalah tiga kali lebih besar daripada saiz industri pengusaha nombor ramalan yang berlesen yang membawa kepada kehilangan hampir RM3 bilion cukai.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah pelan tindakan dan hala tuju berkenaan dengan penalti perjudian haram yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2020 oleh bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan berkenaan cadangan penalti mandatori minimum sebanyak RM100 ribu untuk perjudian haram dan hukuman penjara mandatori minimum 6 bulan. Manakala bagi pengendali perjudian haram, hukuman mandatori minimum RM1 juta dan hukuman penjara minimum 12 bulan yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedar akan apa Yang Berhormat maklumkan kepada kita semua. Sebenarnya tentang pendapatan judi berlesen ini ia di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Maka segala apa yang Yang Berhormat maklumkan untuk kepentingan cukai dalam negara ini, kita serahkan kepada Kementerian Kewangan. Walau

bagaimanapun, polis hanya menentukan segala akta yang digunakan mestilah mengikut undang-undang yang ada supaya segala kelakuan yang salah seperti judi haram yang tidak berlesen ini boleh kita ambil tindakan mengikut akta-akta yang sedia ada.

Manakala cadangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lepas, ia masih lagi dalam perbincangan untuk kita menentukan kebaikan pada masa hadapan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, judi *online* ini berselindung di kedai menjual *top up handphone*. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri akan meminta supaya dihadkan lesen oleh majlis-majlis daerah di seluruh Malaysia. Jika ada satu tempat itu kadang-kadang 10 buah kedai menjual *top up*, mungkin sembilan terlibat dalam judi *online* ini. Jadi, harapnya dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1030

Satu lagi yang akhir ialah cukai judi ini kita buat apa, Yang Berhormat Menteri? Boleh bincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, jangan cukai judi itu kita bayar gaji penjawat awam pula. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Pontian.

Pertamanya tentang apa yang telah pun dimaklumkan kepada saya iaitu *top up* yang dilakukan semata-mata untuk melakukan judi *online*. Judi *online* ini adalah suatu perkara yang salah mengikut akta yang ada. Oleh sebab itu, saya telah maklumkan tadi, kita sedang bekerjasama dengan semua kementerian seperti SKMM untuk menentukan kita boleh menangkap mereka ini dengan lebih baik.

Walau bagaimanapun, maklum sahajalah, 10 kedai *top up* itu, premis-premis ini dibuka di bawah PBT-PBT yang tertentu. Maka kita akan bekerjasama dengan mereka juga untuk memastikan premis-premis yang dibuka itu tidak melakukan kesalahan-kesalahan termasuk juga seperti *top up* melalui *handphone* masing-masing.

Tentang cukai judi MOF itu, kita serahkan kepada MOF untuk menentukan. Saya percaya kita tidak menggunakan untuk membayar gaji dan juga Ahli Parlimen Pontian melalui cukai MOF ini. Terima kasih.

3. Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah bantuan yang akan diberikan oleh kementerian kepada pekerja Malindo Air yang diberhentikan kerja serta merta dan apakah rancangan kementerian untuk memastikan *job security* untuk mereka.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia cukup memahami dan prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja industri penerbangan di negara kita.

Masalah pemberhentian dan pengecilan operasi oleh syarikat penerbangan merupakan satu fenomena global, bukan sahaja di Malaysia. Syarikat penerbangan MAS, Malindo dan AirAsia juga tidak terkecuali dalam mengambil pendekatan memberhentikan pekerja mereka dalam mengurangkan impak pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan berikutan pandemik COVID-19 dan merasakan penamatan perkhidmatan tersebut adalah tidak adil dan tanpa alasan yang munasabah, maka pekerja tersebut mempunyai hak untuk memfailkan representasi pemulihan kerja di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang membolehkan pekerja tersebut dipulihkan ke pekerjaan asal.

Untuk makluman, setakat 2 November 2020, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menerima sebanyak 31 kes representasi pemulihan kerja di bawah seksyen 20 Akta 177 yang melibatkan bekas pekerja-pekerja Malindo Air. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 kes telah berjaya diselesaikan melalui rundingan damai, manakala bakinya sebanyak tujuh kes masih lagi dalam tindakan JPP bagi proses rundingan damai.

JPP menjangkakan, dalam masa terdekat, lebih banyak kes akan diterima daripada bekas pekerja-pekerja Malindo Air memandangkan had tempoh 90 hari yang ditetapkan di bawah Akta 177 masih belum tamat dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dikenakan di beberapa buah negeri masih lagi berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama— ini adalah mengikut akta-akta yang sedia ada. Akan tetapi, sebagai kerajaan yang prihatin, pada masa yang sama, berdasarkan laporan disiarkan di akhbar, satu lagi jabatan di bawah KSM iaitu Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu perbincangan dengan pihak pengurusan Malindo Air bersama dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) pada hari ini iaitu 3 November 2020. Mesyuarat ini akan membincangkan isu berkaitan pematuhan perundangan perburuhan serta langkah-langkah menjaga kebajikan pekerja yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pekerja-pekerja Malindo Air yang diberhentikan dengan serta-merta, mereka boleh mendapatkan bantuan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) sehingga enam bulan. Walaupun hari ini mereka sudah diberhentikan kerja,

mereka masih dapat pendapatan sehingga enam bulan daripada 80 hingga 30 peratus mengikut gaji sendiri sebanyak RM4,000. Bayaran elaun akan dibuat antara 80 sehingga 30 peratus daripada gaji akhir di bawah had gaji RM4,000. Bantuan tersebut adalah seperti Elaun Bekerja Semula Awal, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan dan Fi Latihan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan.

Pada masa yang sama, pekerja Malindo Air yang telah diberhentikan kerja, mereka boleh mendaftar dengan portal *MYFutureJobs* iaitu portal pekerjaan yang membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga melalui PSMB atau HRDF mempunyai pelbagai inisiatif di bawah PENJANA HRDF yang dapat membantu pekerja Malindo Air yang telah hilang pekerjaan atau yang mungkin akan hilang pekerjaan. Di bawah inisiatif *Place and Train*, pekerja Malindo Air boleh dilatih semula dan ditempatkan bagi mengisi kekosongan kerja yang ditawarkan dalam industri hospitaliti ataupun industri lain mengikut program-program seperti *reskilling*, *upskilling* dan *cross-skilling*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sejak Ogos 2020, seramai 35,000 orang peserta telah dikenal pasti untuk dilatih dan seterusnya diserap dalam syarikat-syarikat yang terlibat.

Pada masa yang sama, HRDF juga mempunyai Gerak Insan Gemilang (GIG) di mana pekerja Malindo Air yang berminat boleh mendapatkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang yang menjana pendapatan sampingan sementara mencari pekerjaan baharu.

Sekian, terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut kenyataan NUFAM atau Kesatuan Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia, Malindo Air telah menerima sekurang-kurangnya RM3 juta untuk membayar gaji pekerja mereka termasuk penggajian *ground staff*. Namun, pekerja mula dibuang kerja dari bulan Mac tahun ini. Gaji mereka tidak dibayar berbulan-bulan dan notis 24 jam telah diberikan dalam surat pemberhentian kerja.

Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri berikan tadi nampak macam banyak inisiatif yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu mereka. Akan tetapi, salah satu rintihan dan keluhan mereka adalah untuk mereka diletakkan dalam senarai untuk diambil balik pekerjaan selepas COVID-19 ini reda sedikit. Dengan izin, *for them to be put on KIV list*. Akan tetapi, setakat ini saya tidak dengar lagi sekiranya mereka akan diletakkan dalam *KIV list* ini.

Saya juga ingin tahu sama ada MAVCOM akan menyiasat bagaimana wang tersebut digunakan oleh Malindo Air serta saranan untuk pihak kerajaan lebih mengadakan sesi dialog di antara kesatuan dan majikan. Hari ini seolah-olah—

Kita faham situasi COVID-19 di seluruh dunia dan *aviation industry* antara industri yang paling hebat terkesan dengan COVID-19 ini. Akan tetapi, ini adalah isu kemaslahatan ekonomi. Ini adalah isu anak muda, wanita, lelaki, keluarga yang bergantung kepada pekerjaan mereka. Jadi, jawapan yang diberikan adalah apa yang boleh berlaku selepas mereka diberhentikan daripada kerja. Akan tetapi, ada bukti di sini, RM3 juta itu mana pergi? Gaji siapa yang dibayar dengan RM3 juta?

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sebab yang diberhentikan adalah *ground staff* yang menerima gaji RM2,000 lebih, RM1,000 lebih, RM3,000 lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, soalannya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *This are the ones. Who is the one benefiting from the RM3 million?*

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, soalannya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Soalan saya sudah ditanya, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang soalan itu.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan atas keprihatinan. Walaupun soalan agak panjang sedikit tetapi saya lihat keikhlasan dan keprihatinan terhadap mangsa-mangsa Malindo Air.

Walau bagaimanapun, seperti mana saya sebut sebelum tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, kita mengambil tindakan yang sepatutnya. Selain daripada itu, kementerian juga mengadakan pelbagai program apabila mereka telah kehilangan peluang pekerjaan.

Selain daripada itu, segala perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita akan adakan perbincangan bersama pihak Malindo, PERKESO dan Jabatan Tenaga Kerja pada hari ini. Saya akan mengkaji semula secara mendalam dan saya pastikan nasib mereka dibela di pelbagai aspek. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling tidak ada? Soalan tambahan kedua. *[Disampuk]* Oh!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Minta maaf. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan menjalankan kursus berkaitan dengan HRDF yang... *[Disampuk]* Soalan saya...

■1040

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Soalan lain Yang Berhormat Baling, soalan lain. Soalan Malindo ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Oh! Bukan, bukan, bukan. Minta maaf. Soalan saya nombor 2. Soalan nombor 2. Soalan 2. *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan bocor ini. Ini Yang Berhormat Menteri sudah siap soalan bocor. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Soalan bocor ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You have prepared all the answers.*

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ni macam mana *coordinate* ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya tanya soalan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Speaker, izinkan saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas ya, ringkas, ringkas.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, kita semua tahu bahawa kebelakangan ini pekerja-pekerja penerbangan, *flight-* penerbangan yang menghadapi masalah yang teruk di mana ramai di antara mereka akan hilang kerja tetapi yang diberitahu oleh kerajaan adalah mereka akan dibuat *retraining* dan training, *skills* dan *upskilling* dan *cross skilling*.

Akan tetapi *all these only on paper*, yang sebenarnya macam mana mereka mendapat balik kerja atau setakat ini berapa peratus yang telah berjaya kerana kita membelanjakan banyak, berjuta-juta ringgit untuk *training* mereka, tetapi hasilnya apa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kalau dari segi latihan Yang Berhormat, ini adalah satu keadaan yang luar biasa. Seperti mana yang kita sedia maklum, keadaan hari ini adalah suatu keadaan yang cukup luar biasa dan kita perlukan sokongan dan bantuan daripada semua pihak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* Kita perlu tindakan luar biasa juga.

Datuk Seri M. Saravanan: Kalau kita setakat ini Yang Berhormat pernah menjadi mantan Menteri Sumber Manusia, saya harap Yang Berhormat memahami. Sasaran kita ialah melahirkan peluang pekerjaan untuk 45,000 orang. Setakat 16 Oktober 2020, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah meluluskan sebanyak 35,938 pelatih mengikut skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan. Daripada ini hampir 15,000 orang yang telah menjalankan latihan telah mendapat peluang-peluang pekerjaan. Maka, Pembangunan Sumber Manusia sebagai agensi akan melahirkan program-program supaya mereka menjadi relevan dan kompetitif dalam pasaran industri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Berapa peratus?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih semua.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan berapa jumlah syarikat yang telah dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan menyebabkan pencemaran sungai sehingga mengakibatkan kerja-kerja pembekalan air bersih kepada pengguna terganggu.

Menteri Alam Sekitar [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan 13 lagi pertanyaan berhubung dengan isu yang sama iaitu berkaitan pencemaran sungai yang menjejaskan operasi loji rawatan air daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Padang Terap yang dijadualkan pada 9 November, Yang Berhormat Pulai pada 9 November, Yang Berhormat Petaling Jaya juga pada 9 November, Yang Berhormat Gerik pada 12 November, Yang Berhormat Marang pada 18 November, Yang Berhormat Dungun pada 24 November, Yang Berhormat Selayang juga pada 24 November, Yang Berhormat Bukit Bintang pada 30 November, Yang Berhormat Bachok pada 3 Disember, Yang Berhormat Kuantan pada 9 Disember, Yang Berhormat Kemaman juga pada 9 Disember, Yang Berhormat Sabak Bernam juga pada 9 Disember dan Yang Berhormat Bakri juga pada 9 Disember.

Memandangkan ada 14 yang bertanya soalan ini saya mohon sedikit waktu pada Tuan Yang di-Pertua kerana bagi menjawab keseluruhan apa yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali saya mengalu-alukan keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang berkaitan isu pencemaran alam sekitar khususnya sumber air. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kerajaan terutama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memandang serius isu pencemaran secara proaktif dan reaktif dengan tegas sehingga mendakwa penjenayah alam sekitar ke muka pengadilan dan juga memastikan gangguan bekalan air tidak berulang.

KASA juga mengambil perhatian segala maklum balas dan input berkenaan insiden pencemaran ini daripada pelbagai pihak termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat berkaitan dengan pembakaran terbuka, orang-orang awam dan lain-lain agensi.

Insiden pencemaran sumber air di Sungai Gong iaitu salah satu di antara anak sungai Selangor pada 3 September 2020 dan berulang semula pada 18 Oktober 2020 dan Sungai Semenyih pada 4 Oktober 2020 bukan sahaja mendatangkan kesusahan kepada jutaan penduduk Lembah Kelang malah kehilangan besar kepada sektor ekonomi dan turut menjejaskan imej negara.

KASA memandang serius insiden pencemaran ini dan saya bersama dengan Timbalan Menteri dan juga pegawai kanan kementerian, malah agensi di bawah Kerajaan Selangor sendiri telah turun ke lokasi pencemaran bersama dengan Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Air Selangor.

Saya telah pun mengarahkan Jabatan Alam Sekitar dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara membuka kertas siasatan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Selain daripada itu pihak PDRM juga turut dilibatkan bagi membantu KASA di mana perkara ini disiasat di bawah seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020, JAS telah pun menjalankan sebanyak 17,445 pemeriksaan ke atas premis-premis tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di seluruh negara dan menerima 7,870 aduan berhubung dengan pencemaran alam sekitar. Daripada jumlah pemeriksaan premis tersebut sebanyak 1,280 premis adalah tertakluk kepada peraturan berkaitan kawalan pencemaran air manakala 7,389 premis diperiksa menghasilkan buangan terjadual dan perlu diurus mengikut Peraturan Buangan Terjadual 2005.

Untuk makluman Dewan yang mulia, tindakan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 merangkumi 1,159 tindakan undang-undang ke atas 636 premis yang didapati tidak mematuhi peruntukan perundangan di mana 751 kompaun telah pun dikenakan, 380 notis arahan, tujuh premis digantung lesen, sembilan dikenakan

penahanan operasi kelengkapan, satu perintah larangan dan 11 penyediaan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan.

Manakala 5,700 tindakan undang-undang ke atas 2,323 premis yang didapati tidak mematuhi perundangan berkaitan pengurusan buangan terjadual. Ini merangkumi 4,564 kompaun, 1,130 notis arahan, dua premis digantung lesen dan empat penyediaan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan.

Selain daripada itu daripada tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020, 61 premis di bawa ke mahkamah dan dikenakan denda berjumlah RM1.489 juta atas kesalahan berkaitan pencemaran air dan pengurusan buangan terjadual. Jumlah kutipan denda melalui tindakan kompaun sebanyak RM4.589 juta manakala jumlah keseluruhan denda sebanyak RM6.079 juta.

Sementara itu SPAN juga telah melaksanakan sebanyak 560 tindakan pemeriksaan dan pemantauan khusus bagi tempoh Januari hingga September 2020 untuk mencegah insiden pencemaran sumber air yang memberi kesan kepada kualiti bekalan air. Manakala sebanyak 17 siasatan tapak telah dijalankan bagi kes-kes pencemaran yang telah berlaku yang mengakibatkan penutupan loji dan gangguan bekalan air dan sebanyak 24 kertas siasatan telah pun dibuka di bawah seksyen 60, seksyen 61 dan seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air. Selain itu sebanyak 170 aduan juga telah diterima yang seterusnya diikuti dengan tindakan serbuan dilaksanakan di seluruh negara dengan pelbagai kesalahan di bawah Akta 655.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga melaporkan bahawa mereka yang bertanggungjawab telah pun dikenal pasti dan telah pun ditahan reman oleh pihak PDRM dan siasatan lanjut serta tuduhan di mahkamah dilaksanakan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bermula pada Januari sehingga 30 September 2020 bagi kesalahan yang melibatkan pencemaran air, sebanyak 636 syarikat telah diambil tindakan undang-undang. Manakala ketidakpatuhan kepada pengurusan buangan terjadual sebanyak 2,323 syarikat telah pun diambil tindakan.

KASA telah pun menggariskan empat pendekatan jangka panjang. Pertama, kawal selia dan penguatkuasaan yang lebih inovatif melibatkan semua pihak dan agensi penggunaan pendekatan *preventive* dan *punitive*.

Untuk makluman Dewan yang mulia, KASA telah pun menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) yang mula beroperasi secara pentadbiran pada 1 Oktober 2020. Buat sementara waktu KASA mengguna pakai perjawatan dan peruntukan sedia ada dengan kerjasama PDRM. Menurut anggaran kasar, sejumlah 50 pegawai tambahan diperlukan akan ditempatkan di setiap negeri bagi melaksanakan dan menganggotai Unit Jenayah Alam Sekitar.

■1050

Kedua, Program Denai Sungai Kebangsaan sebagai platform melibatkan masyarakat massa untuk bersama-sama melestarikan sumber air. Untuk itu, kementerian telah pun menyasarkan sebanyak 1,000 kilometer Denai Kebangsaan akan dibina tahun 2020 hingga tahun 2023. Manakala menjelang tahun 2030, sebanyak 10,000 kilometer Denai Kebangsaan akan dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memastikan kawasan sumber-sumber sungai kita dapat dipelihara dengan baik dan tidak ada pembuangan sisa-sisa di sepanjang kawasan sungai tersebut.

Ketiga, tindakan tegas dan hukuman lebih berat bagi penjenayah alam sekitar. Untuk makluman Dewan yang mulia, peruntukan sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] memperuntukkan hukuman sebanyak RM100,000. Pihak kementerian merangka untuk menambah lagi hukuman dengan meningkatkan denda sehingga sebanyak RM10 juta dan penjara daripada selama satu tahun sekarang kepada selama 15 tahun atau kedua-duanya sekali. Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Pindaan yang dilakukan melibatkan hukuman dan penalti yang lebih tinggi daripada nilai semasa. Untuk makluman Dewan yang mulia, nilai kompaun juga akan disemak supaya dapat ditingkatkan.

Keempat, mempertingkatkan *reserve* simpanan bagi jaminan bekalan air. Untuk makluman, kita meletakkan sasaran untuk meningkatkan *reserve* simpanan (*reserve margin*) air terawat sebanyak 15 hingga 20 peratus melalui peningkatan kapasiti kesediaan ari terawat sama ada melalui penaikan taraf loji yang sedia ada ataupun binaan LRA yang baharu, meningkatkan kapasiti tangki simpanan dan mengurangkan NRW ke paras sebanyak 25 peratus menjelang tahun 2030, pengurangan penggunaan sebanyak air 230 liter sehari seorang kepada sebanyak 180 liter menjelang 2025 dan penggunaan alat kecekapan air.

Akhir sekali, tindakan yang diambil ialah untuk meningkatkan kapasiti takungan sumber air mentah. Untuk makluman, bila berlaku pencemaran kita dapati bahawa loji-loji air tidak mempunyai sumber yang lain yang menyebabkan ia terpaksa menunggu sungai tersebut bersih dan sebagainya. Untuk itu, pihak kementerian telah meletakkan sasaran untuk membanyakkan Takungan Air Pinggiran Sungai atau ringkasnya TAPS.

Untuk makluman, hingga setakat RMKe-11 kita telah pun meluluskan— ada empat TAPS yang akan dibina iaitu TAPS Sungai Jernih, TAPS Melaka, TAPS Sungai Johor dan TAPS Linggi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.4 bilion. Manakala bagi Sungai Semenyih dan Sungai Selangor, kita menyasarkan untuk membina sebanyak dua TAPS yang mampu menampung sekiranya berlaku gangguan atau pencemaran pada dua buah sungai tersebut iaitu TAPS Putrajaya

sebagai sumber air mentah alternatif bagi LRA Semenyih dan satu lagi kita sedang dalam merangka untuk membina TAPS di Rasau bagi menampung sekiranya berlaku pencemaran air di Sungai Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir antara jawapan yang saya sempat berikan dan ada beberapa maklumat lain yang mungkin saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Untuk rekod jawapan tadi ialah untuk sebanyak 14 soalan ya. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin untuk soalan tambahan pertama.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan bahawa jenayah alam sekitar ini merupakan satu kesalahan yang melibatkan jutaan penggunaan air, adakah kerajaan akan bercadang untuk meminda Akta Alam Sekitar ini dengan mengenakan dengan izin *mandatory jail* seperti Akta Perhutanan.

Penjenayah-penjenayah alam sekitar sungai ini, jika serius kesalahannya dikenakan *mandatory jail*. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan akta ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya maklumkan tadi, hingga setakat ini kementerian tidak bercadang untuk sampai tahap *mandatory jail* tetapi akan meningkatkan kadar hukuman. Sebagai contoh hukuman yang sekarang ini adalah sebanyak RM100,000. Jadi, kita cadang untuk meningkatkan sampai sebanyak RM10 juta. Demikian juga hukuman penjara. Sekarang ini hukuman penjara setahun dan kita mengkaji untuk meningkatkan hukuman penjara sampai selama 15 tahun. Saya fikir dengan peningkatan ini atau kedua-duanya sekali— Dengan peningkatan ini kita yakin dia mampu mencegah unsur-unsur pencemaran sungai tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim–Bandar Baharu soalan tambahan kedua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Rakan saya Yang Berhormat Menteri, saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang menyentuh pelbagai perkara tetapi berkisar kepada dua isu yang sama iaitu pencegahan dan hukuman.

Soalan tambahan saya ialah, selain daripada cadangan menaikkan kadar hukuman— Tadi disebut sebanyak RM100,000 dan kemungkinan kerajaan hendak *explore* idea kepada sebanyak RM10 juta. Saya tidak tahu oleh sebab semakan saya

kalau seksyen '34B' itu pun denda sudah lebih sebanyak RM500,000, penjara selama lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat Menteri tadi sebut sebanyak RM100,000. Mungkin ada seksyen yang lebih spesifik yang dimaksudkan. Akan tetapi *point* saya adalah apakah ada dalam rancangan kerajaan, akibat daripada masalah bekalan air ini terganggu kerana sungai kotor, maka pengguna adalah pihak yang merasai kesannya?

Apakah ada cadangan untuk memasukkan soal pampasan yang ataupun ganti rugi diberikan kepada pengguna? Sama ada ditanggung oleh syarikat yang menjadi punca pencemaran ataupun kepada syarikat industri air yang menyediakan bekalan perkhidmatan itu. Ini kerana sebanyak 90 peratus daripada punca bekalan air bersih kita adalah sungai. Bagi pengguna, mereka tidak ada pilihan lain. Air terganggu, mereka terima kesan.

Kemudian, pihak yang menyebabkan punca kita heret ke mahkamah. Benar tetapi angka yang Yang Berhormat sebut tadi iaitu sebanyak RM1 juta hingga sebanyak RM5 juta atau sebanyak RM6 juta tidak padan dengan derita yang ditanggung oleh pengguna. Apakah ada rancangan untuk memasukkan dalam pindaan itu nanti berupa pampasan atau ganti rugi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kulim–Bandar Baharu. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Baik, untuk menjawab soalan itu saya ingin *elaborate* sedikit ya. Pertama sekali, apakah alternatif sekiranya sungai kita tercemar? Selain daripada hukuman kepada pesalah, apa yang telah kita buat ialah sama ada kita meningkatkan kapasiti air terawat supaya bila berlaku gangguan pada sumber air, kita masih ada lagi *reserve margin* yang boleh menampung sekurang-kurang tiga hari. Maknanya, kalau kita ada air baharu pun loji kita masih boleh menampung selama tiga hari dan pengguna tidak terganggu. Itu satu.

Kedua ialah TAPS, yang mana kita wujudkan satu lagi takungan yang boleh menampung paling tidak pun sekurang-kurangnya dalam masa dua minggu. Sekiranya air punca air habis, *reserve margin* habis, kita masih ada air alternatif yang mana kita ada satu takungan TAPS untuk mengambil air supaya pengguna ataupun pengguna tidak terganggu.

Ketiga ialah apa mekanisme untuk kita pastikan tidak ada pembuangan sampah atau sisa di sepanjang sungai kita. Kita telah sebut bahawa kita bina denai sungai bagi menampung keperluan tersebut.

Balik kepada persoalan dibangkitkan tadi, apakah kita menyediakan ganti rugi? Untuk makluman hingga akta yang kita sekarang ini tidak melibatkan ganti rugi kepada pengguna. Alternatif kita, kita fikir kita hendak selesaikan. Kalau berlaku

pencemaran, pengguna tidak terhenti bekalan air ataupun kita hendak kenakan hukuman kepada agensi ataupun yang terlibat. Saya fikir bahawa kesalahan harus diletakkan hukuman kepada yang melakukan kesalahan. Kesalahan itu kita tingkatkan hukuman denda dan penjara. Hingga setakat ini kementerian masih tidak bercadang untuk bayar balik pampasan kepada pengguna tetapi mencari alternatif supaya gangguan tidak berlaku pada masa depan. Terima kasih.

2. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) bilangan pekerja yang telah dilatih dan mendapat penempatan pekerja setakat ini di mana kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk melatih dan menempatkan 40,000 pekerja; dan
- (b) senaraikan majikan dan pusat latihan yang telah mendapat geran melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melancarkan tiga skim utama yang memfokuskan kepada penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri di bawah inisiatif PENJANA iaitu *Place & Train*, *B40 Development* dan Gerak Insan Gemilang (GIG).

Objektif inisiatif ini adalah untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara yang terkesan disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta, iaitu sebanyak RM250 juta dana kerajaan dan sebanyak RM250 juta melalui HRDF.

■1100

Bagi melaksanakan inisiatif ini, setakat ini Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menerima peruntukan sebanyak RM100 juta daripada kerajaan dan ia telah pun digunakan sepenuhnya. Bakinya akan disalurkan ke Pejabat Sumber Manusia dalam masa terdekat. Setakat 16 Oktober 2020, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah meluluskan seramai 35,938 orang pelatih bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri. Daripada jumlah ini, seramai 6,567 orang pelatih telah menamatkan latihan dan seterusnya mendapat penempatan pekerjaan mahupun pekerjaan sendiri.

Di bawah inisiatif ini, sebanyak 285 buah pusat latihan telah pun diluluskan bagi ketiga-tiga inisiatif ini. Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mencatatkan jumlah penyedia latihan tertinggi iaitu 41.1 peratus, diikuti dengan Kuala Lumpur sebanyak 31.6 peratus, Pulau Pinang - 4.9 peratus dan Sabah - 4.9 peratus.

Daripada segi pecahan pusat latihan berdasarkan kelulusan skim pula, Skim Place and Train mencatatkan kelulusan tertinggi dengan 200 buah pusat latihan diluluskan, diikuti dengan Skim Gerak Insan Gemilang (GIG) sebanyak 58 pusat latihan dan Skim B40 Development sebanyak 35 pusat latihan. Daripada segi jumlah majikan pula, sebanyak 397 majikan telah diluluskan di bawah Skim Place and Train. Daripada jumlah tersebut, 97 peratus adalah daripada sektor perkhidmatan dan tiga peratus adalah daripada sektor pembuatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Baling, soalan tambahan kedua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan tambahan, saya belum kemukakan soalan tambahan pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama? Okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No need to rush* Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu Yang Berhormat Baling hendak tanya soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak Yang Berhormat Baling berdiri tadi. So...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ipoh Barat belum mengemukakan soalan. Yang Berhormat Menteri mungkin mengajak beliau sebelum ini. [*Dewan ketawa*] Boleh? Soalan tambahan pertama?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Boleh saya tanya? Saya hendak tanya soalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, nombor satu *place and train* ini ada skandal-skandal yang tertutup dulu. Itu sebab semasa saya jadi Menteri, kita berhentikan itu. Akan tetapi sekarang kita balik semula dan kita telah mengetahui ada korupsi dan sebagainya. *Place and trade is the most dangerous* di mana wang dibazirkan. Lebih 200 pusat dikendalikan. Saya rasa ini adalah satu tragedi yang besar yang akan jadi tak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran sekarang adalah sebanyak 4.7 peratus, iaitu 741,600 orang iaitu mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 18 Oktober 2020. Antara sektor yang paling terjejas adalah seperti hotel, pelancongan dan penerbangan. Apakah strategik yang digunakan untuk melatih semua pekerja yang hilang kerja daripada sektor ini dan dilatih semula dan dapat penempatan kerja yang baharu?

Saya hendak kemukakan spesifik ini, apakah mekanisme atau sistem yang diguna pakai untuk membuat *tracer* bahawa setiap orang yang dilatih, berjaya ditempatkan dalam sektor yang dilatih pekerja tersebut dalam industri atau majikan tersebut? Ini disebabkan pada masa lampau, kita dapat penempatan hanya berlaku atas kertas sahaja dan beberapa bulan selepas itu dia menganggur lagi. Pohon

jawapan. *I'm not talking under employment* lagi, ratusan ribu keadaan dalam sedemikian.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi. Daripada segi skandal *train and place*. Apabila kita bagi latihan Tuan Yang di-Pertua, dana disalurkan kepada pusat-pusat pelatih tetapi dengan alasan mereka akan memberi latihan, selepas itu mendapat peluang pekerjaan. Akan tetapi ini tidak berjaya. Maka, apabila saya menjadi Menteri Sumber Manusia, ambil alih daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tukar kaedah ini, bukan lagi *train and place* tetapi *place and train*. Di mana pusat latihan perlu mendapatkan peluang pekerjaan dahulu dan baharu memberi latihan untuk melengkap mereka dalam sektor industri. Ini satu perubahan besar Yang Berhormat, supaya kita dapat mengatasi skandal-skandal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengatasi pengangguran ataupun dalam keadaan kelembapan ekonomi hari ini, kita tidak boleh lihat Kementerian Sumber Manusia ataupun Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) sebagai satu entiti terasing. *It's a process*, di mana Kementerian Sumber Manusia adakan rancangan-rancangan khas. Jangan lihat hanya Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) sahaja daripada segi mengatasi pengangguran. Kita tidak ada elaun untuk mengatasi pengangguran. *It's a process*. Maka, Kementerian Sumber Manusia, Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan *Employment Retention Program* (ERP) di mana apabila majikan meminta pekerja mengambil cuti tanpa gaji melalui PERKESO, kita membayar elaun dalam keadaan begitu, daripada 80 peratus sehingga 30 peratus. Kedua, kita memberi bantuan subsidi upah.

Ini adalah proses kedua, di mana apabila industri tidak boleh meneruskan industri, maka untuk memastikan mereka kekalkan pekerja mereka, kita memberi sumbangan subsidi upah. Di mana 300,000 buah syarikat telah dibela oleh kerajaan hari ini, di mana 2.72 peratus juta warga kerja telah kekalkan pekerjaan. Ketiga, kita memberi *hiring* insentif. Apabila ada industri mengambil pekerjaan tempatan, kita memberi *hiring* insentif. Keempat adalah latihan kemahiran daripada Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Kelima adalah Penjana Kerjaya, di mana selepas kita mula latihan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), kita mengadakan peluang-peluang pekerjaan melalui Penjana Kerjaya di seluruh negara. Salah satu pendekatan adalah melalui mendaftarkan pekerja ini di portal MYFutureJobs. Ini adalah proses kita membela nasib warga kerja di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak jawab mengenai *tracer*. Macam mana kita dapat pastikan bahawa dia dapat balik kerja sebelum penempatan itu?

Datuk Seri M. Saravanan: Yang Berhormat Ipoh Timur, saya setuju. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebelum ini tiada *tracer* untuk mengenal pasti sama ada mereka mendapat peluang-peluang pekerjaan atau tidak tetapi hari ini Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melatih syarikat *external, not internal*, untuk mengenal pasti mereka yang menjalani latihan ini sama ada mereka berjaya atau tidak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling, silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang. Saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri dalam inisiatif menjana HRDF yang mana telah dilancarkan iaitu Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada awal bulan Jun tahun ini. Antara tujuan utama inisiatif ini, saya agak minat berkaitan dengan memberi kursus, khususnya kepada SME *Development* dan Gerak Insan Gemilang (GIG). Soalan saya, apakah kriteria utama yang diambil kira oleh pihak kementerian dalam memilih syarikat yang menjadi tempat latihan dan penempatan bagi Program HRDF? Bagaimanakah bentuk kawalan selia yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap syarikat terlibat bagi memastikan mereka menepati objektif yang ingin dicapai?

Memandangkan anak-anak muda dan graduan-graduan yang telah lulus dengan cemerlang dalam universiti yang ada terlatih dalam bidang-bidang ini. Apakah peluang ini juga diberikan kepada anak-anak muda yang telah wujudkan syarikat-syarikat? Khususnya anak-anak muda lepasan universiti dalam bidang sumber manusia, untuk mereka juga diberikan peluang untuk menjadi *trainer* ataupun latihan dan *coaching*. Kalau ada, Yang Berhormat Menteri sebutkan berapa, kalau tidak ada, boleh beri secara bertulis. Ini kerana anak-anak muda pada hari ini amat-amat perlu diberikan latihan seperti yang disebutkan dalam bidang perhotelan dan pelbagai bidang yang harus kita memberikan latihan. Kewujudan HRDF *fund* ini amat untuk membantu, khususnya kepada generasi muda untuk bagi tujuan *training* dan *traine the trainers*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pemilihan pelatih adalah mengikut jawatankuasa yang sedia ada. Mereka memilih syarikat-syarikat yang berpengalaman dan bertauliah untuk menjalankan. Kedua, daripada segi senarai saya akan beri secara bertulis dan kita lihat dari segi pemilihan peserta adalah mengikut kehendak pasaran. Terima kasih.

3. **Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan sejauh manakah pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai ejen tunggal untuk mengedarkan benih padi merupakan suatu kaedah penyelesaian terbaik dan adakah pihak kementerian akan melakukan mekanisme penstrukturan semula keseluruhan rantaian nilai untuk menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya soalan ini dijawab bersekali dengan soalan, pertama Yang Berhormat Jerlun bertarikh 3 November 2020, kedua Yang Berhormat Bayan Baru bertarikh 3 November 2020, ketiga Yang Berhormat Kangar bertarikh 9 November 2020, keempat Yang Berhormat Pokok Sena bertarikh 12 November 2020, kelima Yang Berhormat Kuala Kedah bertarikh 18 November 2020, keenam Yang Berhormat Jerai bertarikh 24 November 2020, ketujuh Yang Berhormat Sik bertarikh 3 Disember 2020 dan kelapan Yang Berhormat Setiu bertarikh 9 Disember 2020 kerana menyentuh isu yang sama berkaitan Program Insentif Benih Padi Sah (IBPS). Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Insentif Benih Padi Sah (IBPS) merupakan salah satu daripada program insentif dan subsidi yang diuruskan oleh kementerian bagi membantu golongan sasaran dalam sektor padi dan beras iaitu pesawah padi. Ia bermatlamatkan untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta menggalakkan mereka menggunakan benih padi sah yang berkualiti, bermutu tinggi, rintang penyakit dan mengurangkan risiko padi angin.

Pada masa ini mekanisme pengeluaran dan pembekalan benih padi sah dilaksanakan oleh kesemua syarikat pengeluar benih padi sah yang dilantik oleh kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, kerajaan menetapkan harga jualan di premis pengeluaran benih padi sah di pintu kilang berjumlah RM28 satu beg iaitu 20 kilogram untuk setiap beg kepada sesiapa sahaja tanpa kawalan sama ada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), ejen, syarikat, pelesen ataupun broker.

Keadaan ini melibatkan manipulasi terhadap harga benih padi dibeli oleh pesawah yang melonjak kepada sekitar RM46 sehingga RM100 untuk setiap beg. Sehubungan dengan itu, kementerian telah meneliti isu pengedaran benih padi sah ini dan setelah bertemu dengan pihak *stakeholders* iaitu Persatuan Pesawah-pesawah Malaysia serta merangka hala tuju dan penambahbaikan program IBPS dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, kementerian akan melaksanakan beberapa inisiatif bermula pada tahun 2021 seperti berikut. Pertama, melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam Program IBPS dan

pembekalan diedarkan terus kepada pesawah. Pelantikan NAFAS sebagai pemborong tunggal untuk mengedar benih padi sah merupakan suatu kaedah penyelesaian terbaik dan bersepadu memandangkan NAFAS mempunyai kecekapan rantai di mana pengedaran benih padi sah oleh NAFAS melibatkan 148 PPK dalam kawasan padi di semenanjung, Malaysia.

Pada masa yang sama, NAFAS juga akan memberikan ruang kepada ejen, individu atau syarikat yang sedia ada yang berdaftar lesen dengan pihak kementerian untuk mengedar benih padi sah. NAFAS juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh serta kemampuan dan pengalaman NAFAS dalam pengedaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) di seluruh negara.

Kedua, pelantikan NAFAS juga akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan. Ia juga akan mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Ketiga, lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah.

Keempat, penetapan beberapa *variety* benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah.

Kelima, menyediakan stok penimbal benih padi sah bagi menangani isu-isu krisis seumpama ini.

Justeru itu, sememangnya mekanisme penstrukturan semula keseluruhan rantai nilai yang dilakukan oleh kerajaan ini adalah untuk menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka. Pada masa yang sama, langkah-langkah penyelesaian ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang. Ia penting bagi mengelakkan dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya dan sektor padi serta beras secara umumnya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu sektor yang masih ada yang boleh bertahan dalam waktu COVID-19 ini ialah sektor pertanian. Salah satu perkara yang berkaitan di dalam sektor pertanian adalah padi.

Kawasan padi di semenanjung ini ada di MADA di Kedah, KADA di Kelantan, Sekinchan di Tanjong Karang, Selangor dan juga di seberang di negeri Perak. Jadi, kalau ini disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi jawapan berkaitan dengan

NAFAS akan mengambil alih tanggungjawab sebagai pembekal benih padi, saya ucapkan tahniah dan syabas. Cuma, mekanisme – saya hendak tanya soalan, mekanisme di antara pembekal benih padi dengan NAFAS? Sebab yang paling penting ialah pembekal benih padi yang sedia ada dalam market. Bagaimana pula NAFAS dengan pembekal benih padi?

Kedua, pesawah-pesawah yang ada di seluruh negara termasuk di kawasan MADA, mereka sangat mengharapkan bahawa ada satu mekanisme yang terbaik. Kalau dibuat – dulu ada masalah, 3 bulan, 4 bulan selepas tanam padi, benih belum sampai. Jadi, sekarang ini, ada mekanisme baharu dengan NAFAS nak jadi pembekal, kita harap benih akan sampai ikut waktu jadual tanaman padi.

Tanaman padi ini dia ada musim, setahun dua kali dan ada tarikh dia. Kalau benih itu datang melepasi dua bulan dari waktu tanaman padi, itu sudah tidak ada makna kepada pesawah padi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, jawab.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Saya akui bahawa sektor pertanian merupakan sektor yang penting dan dalam suasana negara berhadapan dengan COVID ini, sektor ini sahaja yang mencatatkan pertumbuhan positif dalam suku pertama tahun ini.

Jadi, ini merupakan satu sektor yang penting yang bukan sahaja memberikan pertumbuhan yang positif dalam keadaan COVID tetapi merupakan sektor yang akan memberikan sumber makanan kepada rakyat di negara ini. Yang Berhormat, soalan pertama tadi iaitu dengan berhubungan dengan bagaimana NAFAS dan pembekal benih padi ini, seperti Yang Berhormat maklum bahawa pada ketika ini pembekalan benih padi sah adalah dibuat secara tender oleh kerajaan.

Setelah disiasat, dikaji kapasiti dan juga keupayaan syarikat-syarikat ini, sebanyak sembilan buah syarikat telah pun diangkat sebagai pembekal benih padi sah setakat ini. Kontrak pembekalan ini akan tamat pada 31 Disember tahun ini. Proses tender akan dibuat semula. Mekanisme NAFAS sedang diperincikan ketika ini tetapi tujuan pelantikan NAFAS ini seperti yang dimaklumkan tadi adalah untuk memastikan kualiti benih padi yang diagihkan kepada pesawah adalah kualiti padi benih yang sah dan berkualiti.

Kita akui bahawa ketika ini untuk sekian lama, masalah pengagihan merupakan satu masalah yang dihadapi oleh pesawah. Akan tetapi, dari segi pengeluaran sumber ini bukan berlaku disebabkan kekurangan benih padi sah yang dikeluarkan. Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, sembilan buah syarikat yang dikenal pasti oleh kerajaan yang dilantik semula melalui tender mampu mengeluarkan 74,000 metrik tan benih padi sah setiap tahun. Untuk keperluan negara ini, dengan

keluasan tanah sawah yang ada, cuma memerlukan lebih kurang 72,000 metrik tan kepada keperluan benih padi sah.

Dari segi pengeluaran, kita adalah surplus tetapi dari segi agihan ini merupakan satu kesalahan manipulasi yang berlaku di peringkat pengedaran yang dikendalikan oleh ejen-ejen yang tidak sah. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pendekatan dan penambahbaikan yang dibuat oleh kementerian dan kerajaan pada ketika ini adalah untuk melihat NAFAS untuk dilantik sebagai ejen tunggal untuk mengagih benih padi sah kepada pesawah-pesawah. Kita harapkan dengan penambahbaikan ini masalah ketidaksampaian benih seperti yang berlaku untuk sekian lama ini akan dapat diatasi. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, minta...

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Saya hendak tambah satu...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik, kepada Sik. Mohon satu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri kepada Yang Berhormat yang berdiri awal tadi dulu, kemudian Yang Berhormat Pasir Salak, tiga soalan ya. Okey.

■1120

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab tentang isu yang sangat penting.

Baru-baru ini, petani-petani dari Perlis dan juga Kedah telah menghantar memorandum kepada kementerian kerana ketidakpuasan hati tentang kelambatan benih sampai kepada petani. Jadi, mereka telah mengalami kerugian dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, isu sektor benih ini ia tidak setakat isu pengagihan sahaja. Ia termasuk juga *variety* dan pemberian subsidi yang mempunyai banyak masalah.

Jadi, semasa kami menjadi kerajaan, kami telah mengadakan satu jawatankuasa dan telah ada beberapa rancangan, cadangan daripada kementerian. Contohnya, pertama, adalah memberi subsidi terus kepada petani supaya petani mempunyai hak memilih beberapa jenis *variety* benih yang mereka mahu. Itu adalah satu pembaharuan yang saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Menteri tengok semula.

Kedua adalah membuka sektor benih kepada lebih banyak *player*. Ini kerana pada masa kini, ada beberapa *player* besar yang seakan-akan memonopoli kuota. Jadi kalau dengan memberikan pasaran yang lebih terbuka kepada PPK atau GLC-GLC lain seperti FELDA yang berminat, maka ada persaingan yang lebih baik supaya mereka boleh mengadakan benih yang lebih berkualiti dan tepat pada masa.

Ketiga adalah untuk R&D. Setakat ini, R&D hanya daripada MARDI. Ada kelewatan dari segi pelbagai benih yang baharu dan kita perlukan lebih banyak *variety* benih baharu kerana setakat ini Malaysia hanya boleh menghasilkan dua atau tiga setahun atau beberapa tahun, dua tiga *variety* yang baharu tetapi negara-negara jiran seperti India dan juga Pakistan dan sebagainya, mereka setahun boleh menghasilkan puluhan *variety* yang baharu. Maka R&D itu perlu dilihat supaya menghasilkan benih baharu yang boleh rintang kepada penyakit dan sebagainya.

Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat merupakan Timbalan Menteri di kementerian ini sebelum ini.

Saya akui bahawa, seperti Yang Berhormat maklum, isu agihan bukan *the only issue* yang dihadapi oleh pesawah daripada segi kelambatan. Di kementerian ini, kita mengenal pasti beberapa isu lain, umpamanya tiada harga kawalan. Tiada kawalan harga siling terhadap benih padi sah yang dijual kepada pesawah. Pembelian benih di pintu kilang ini tanpa kawalan. Antara isunya, tiada stok penimbal. Antara isunya, rangkaian pengedaran benih sah dikuasai oleh ejen. *Variety* padi, seperti yang dikatakan Yang Berhormat, adalah merupakan satu isu juga dan tiada kawalan pengeluaran benih tidak sah iaitu di peringkat kilang.

Ini merupakan antara pelbagai isu yang dihadapi oleh pesawah. Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa kementerian ini di bawah kerajaan ini mengenal pasti isu-isu ini. Walaupun isu ini telah sekian lama merupakan isu yang dihadapi oleh industri padi ini terutama di pihak pesawah, namun pelbagai tindakan yang diambil setakat ini tidak mampu untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pesawah.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat, kementerian ini di bawah kerajaan ini mengenal pasti ini dan mengambil langkah-langkah drastik penambahbaikan yang telah pun saya jelaskan tadi. Antara isunya, seperti Yang Berhormat katakan, bahawa isu *variety*. Ia akan diambil, akan dipelbagaikan isu *variety*. Isu subsidi diberi kepada pesawah antara mekanisme yang akan diambil oleh kerajaan pada ketika ini. Isu harga siling itu, kita akan tetapkan satu harga siling maksimum yang akan ditentukan kelak untuk memastikan bahawa tiada manipulasi harga yang akan dihadapi oleh pesawah selepas ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan. Sik mohon juga.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, menteri baharu ini. Di Sungai Manik, satu jelapang padi yang tertua dalam negara kita ini, Yang Berhormat tahu atau tidak? Itu soalan pertama.

Soalan kedua ialah pada masa ini, kerana masalah benih padi ini, padi yang dihasilkan di Sungai Manik dalam kawasan saya dipotong begitu tinggi sehingga 22 peratus. Tidak tahulah Yang Berhormat Menteri faham atau tidak tentang pemotongan ini. Ia menjejaskan pendapatan hasil padi petani. Saya minta untuk disampaikan kepada Yang Berhormat dan saya hendak tanya, pegawai-pegawai tahu atau tidak perkara ini berlaku? Dan apa tindakan?

Seterusnya yang terakhir ialah padi bukit. Saya bersimpati dengan petani-petani padi bukit di Sabah dan Sarawak. Mereka ini ketinggalan dari segi pengairan dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk benih padi sah yang diberi kepada petani-petani padi bukit ini di Sabah dan Sarawak ini? Yang Berhormat Menteri pun orang Sabah. Kena tolonglah orang Sabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, padi bukit tidak perlukan pengairan, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Walaupun soalan ini tidak termasuk dalam soalan asal, tetapi saya yakin bahawa terdapat subsidi dengan jumlah dana yang besar yang diberikan kepada pesawah-pesawah padi bukit di negeri Sabah. Untuk ketika ini, *variety* padi yang ditanam di sana adalah berdasarkan kepada *variety* padi tempatan yang dikeluarkan oleh negeri Sabah sendiri.

Sungai Manik merupakan satu jelapang padi yang penting. Itu merupakan satu hakikat, Yang Berhormat. Juga ada beberapa buah jelapang padi yang sedang beroperasi secara besar-besaran di negara ini. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membesarkan jelapang padi dan memasukkan kawasan-kawasan jelapang padi ini dimasukkan dalam kawasan jelapang padi. Ini merupakan perancangan jangka masa panjang kerajaan dan telah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa Kabinet *on food security* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan disekretariatkan oleh MAFI. Ini merupakan satu perancangan jangka masa panjang untuk memastikan bahawa beras dikeluarkan secara mencukupi di negara kita dan menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan SSL dan mengurangkan kebergantungan beras import dari luar dalam jangka masa yang terdekat ini. Jadi, itu merupakan satu usaha yang berterusan yang sedang dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu lagi soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Masa tinggal lagi dua minit. Saya jemput Yang Berhormat Jerlun. Tadi ada soalan tambahan ya? Kalau boleh seminit, Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Sebenarnya saya hendak tanya mengenai kualiti padi tadi. Walaupun kita faham yang disebut

oleh Yang Berhormat Menteri mengenai benih padi sah tetapi bagaimana yang sah ini masih lagi bermasalah dengan benih-benih yang tidak menghasilkan padi? Jadi, dekat mana kelemahan penguatkuasaan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jemput Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terdapat beberapa jenis *variety* padi yang dikeluarkan oleh MARDI. Umpamanya MR219, MR269, MR220 dan pelbagai lagi *variety* padi yang dikeluarkan oleh MARDI dari hasil kajian MARDI. Untuk masa terdekat ini, MARDI akan memperkenalkan lagi dua *variety* baharu yang telah pun dicuba dalam plot kajian dan akan dibuat untuk dijadikan sebagai benih padi asas.

Jadi, Yang Berhormat, pelbagai kaedah telah dibuat oleh kerajaan dan pendekatan dan kajian dibuat oleh kerajaan untuk menentukan pesawah menanam padi yang berkualiti. Oleh sebab itu, pengawalan dibuat dari segi penghasilan benih padi sah ini melalui sembilan pengeluar benih padi sah yang ditentukan kapasiti dan keupayaan untuk mengeluarkan benih padi sah.

Seperti yang saya katakan awal tadi, terdapat isu *illegal* benih padi sah yang menjadikan kualiti benih padi itu yang tidak sampai ke tahap kualiti yang ditentukan oleh kerajaan. Ini merupakan isu yang akan ditangani oleh kementerian dari masa ke semasa. Terima kasih.

■1130

4. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dan menjelaskan apakah langkah-langkah reformasi kepada sistem penjara di Malaysia selepas penularan mendadak COVID-19 dalam kalangan banduan dan staf penjara di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada soalan daripada Yang Berhormat Lumut dan ini jawapannya untuk Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan semua.

Untuk makluman Yang Berhormat Lumut, Jabatan Penjara Malaysia berhadapan dengan masalah kesesakan banduan penjara yang mana berdasarkan pada statistik Jabatan Penjara Malaysia setakat 19 Oktober 2020, jumlah banduan yang terdapat di 39 institusi penjara adalah seramai 66,791 orang berbanding dengan kapasiti penjara yang hanya dapat menampung 46,420 orang iaitu lebih sebanyak 43.88 peratus. Pada masa yang sama, beberapa institusi penjara telah mengalami penularan wabak COVID-19 di mana sehingga 2 November 2020, jumlah kes positif COVID-19 di kalangan banduan penjara di seluruh negara adalah seramai 1,156 kes dan bagi anggota serta keluarga pula adalah seramai 83 kes.

Bagi membendung masalah ini, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil dan mengikuti segala SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan

Malaysia untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai perintah tetap jabatan yang antaranya menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara, perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19. Perintah tetap ini selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 di kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama dengan KDN sedang dalam proses memuktamadkan cadangan penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Bagi tujuan yang sama iaitu mengurangkan tahap kebolehjangkitan, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan pusat-pusat transit di institusi penjara untuk penempatan banduan yang boleh diterima masuk ke institusi tersebut dengan mengambil kira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan. Selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu dua pertiga banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah pengurangan kesesakan melalui pelaksanaan dan pemerksaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program integrasi penghuni industri, program *corporate smart internship* dan pelepasan banduan secara lesen. Ini akan dilaksanakan berterusan dengan itu dapat menjangka akan mengurangkan kesesakan dan juga kita dapat mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap ini menjadi satu pengajaran kepada kita kerana kesesakan itu sebenarnya kita sudah tahu lama dan wabak ini kita cuba elakkan kesesakan tetapi kita *overlook* sampai hari ini kita sudah tak terkawal.

Cuma saya hendak bertanya, yang dilakukan di Penjara Kajang – mengenakan PKPD itu, adakah sebagai langkah pencegahan atau memang ada kes yang banyak. Ini kerana kita dimaklumkan melalui sumber-sumber dari dalam bahawa tidak ada kes di sana, tetapi dilaksanakan.

Keduanya, sedikit – sama ada vaksin ada *available* nanti adakah banduan antara yang akan menerima vaksin ini di peringkat awal. Terima kasih.

Tuan Jonathan bin Yasin: Yang Berhormat Lumut, mengikut data yang saya ada yang dikemas kini sehingga 2 November 2020, di Penjara Kajang kita lihat bahawa kesnya itu hanya pada 1 November, ada satu kes. Kita cuma ada satu iaitu staf dan pada 2 November juga satu. Tidak ada yang lain setakat ini.

Walau bagaimanapun, saya akan mendapatkan maklumat yang lebih dan jika ada keperluan kita akan memberikan perincian yang lebih kepada Yang Berhormat Lumut.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Prosedur operasi standard (SOP) telah pun diperketat di seluruh penjara di Malaysia. Langkah pencegahan, melaksanakan penutupan semua (*lockdown*) ke atas blok-blok penempatan banduan yang disahkan positif COVID-19.

Saya hendak bertanya, pernah penceramah bebas Ebit Liew hadir ke penjara menyatakan penjara kita terlalu sesak dan juga tak selesa, tak mengikut norma. Seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, berlaku kesesakan sebanyak 43 peratus. Ini menunjukkan bahawa apakah langkah kementerian bagi pembangunan lestari Jabatan Penjara Malaysia?

Ia bukan jangka pendek tetapi jangka panjang bagi mengurangkan kesesakan dalam kawasan tahanan seluruh negara bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19. Apakah status COVID-19 di penjara selepas SOP baharu diperkenalkan memandangkan SOP lama merupakan salah satu punca menyebabkan pertambahan kes COVID-19 dalam penjara.

Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Tuan Jonathan bin Yasin: Terima kasih sekali lagi atas soalan itu. Kementerian dan Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kesesakan penjara melalui pelaksanaan dan pemerksaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program integrasi penghuni industri, program *corporate smart internship* dan pelepasan banduan secara lesen yang dilaksanakan secara berterusan.

Untuk status kes COVID-19 di Jabatan Penjara Malaysia, berdasarkan daripada jumlah yang telah saya sebutkan sebentar tadi, jumlah kes positif di kalangan banduan menunjukkan penurunan dalam tempoh dua minggu dan pada masa yang sama Jabatan Penjara Malaysia juga telah memperkukuhkan pelaksanaan SOP sedia ada dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Dalam Negeri dengan Jabatan Penjara Malaysia juga telah menubuhkan *task force* kawalan COVID-19 di penjara bagi menilai situasi penularan wabak ini di penjara.

Selain itu, *task force* ini juga berperanan untuk membuat keputusan, dasar dan perundangan di samping memantau pelaksanaan tindakan. Kita akui bahawa ada beberapa perkara juga yang perlu kita tambah baik lagi – perkhidmatan dan juga khidmat di dalam penjara Malaysia supaya masalah-masalah seperti yang dibangkitkan oleh Saudara Ebit Liew itu dapat ditangani. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Soalan tambahan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dua sahaja. Maaf.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Dua sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tentang pindaan undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ditanya secara bertulis dan dijawab secara bertulis. Maaf ya.

5. Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakan penerbangan MASWings di Sabah bermula dari Kota Kinabalu ke Lahad Datu, kemudian dari Lahad Datu ke Sandakan, Sandakan ke Tawau dan dari Tawau balik ke Kota Kinabalu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan syarikat penerbangan MASWings bagi meneruskan penyediaan operasi perkhidmatan udara luar bandar iaitu dengan izin *rural air services* di Sabah dan Sarawak untuk tempoh enam tahun iaitu bermula 2019 hingga 2024 yang merangkumi hasil *rationalization* perkhidmatan ini selaras dengan kajian semula oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pada tahun 2017.

■1140

Berdasarkan perjanjian baharu tersebut, MASWings perlu menyediakan perkhidmatan bagi sejumlah 40 buah laluan berbanding sebanyak 49 buah laluan sebelum ini di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan pesawat ATR 72 dan *Twin Otter Viking*. Penetapan destinasi dan laluan RAS tersebut adalah berdasarkan kriteria Obligasi Perkhidmatan Awam iaitu *Public Service Obligation* (PSO) dengan

izin di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, [Akta 771] yang mentakrifkan PSO sebagai pengadaan suatu perkhidmatan bagi membawa melalui udara atau penggunaan mana-mana pesawat udara untuk membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah bagi suatu perjalanan berjadual di antara *aerodrome* yang tidak akan dibuat oleh syarikat penerbangan jika syarikat penerbangan itu hanya menimbangkan kepentingan komersialnya sahaja semata-mata.

Penyusunan jaringan perkhidmatan luar bandar pula adalah berdasarkan penggunaan pesawat dan jenis pesawat mengambil kira kos operasi *rural air services* pada kadar yang paling optimum serta keperluan penduduk setempat yang menepati definisi Obligasi Perkhidmatan Awam. Dalam hubungan ini, MASWings menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kota Kinabalu-Lahad Datu-Sandakan-Tawau pergi dan balik menggunakan pesawat ATR 72 yang mana perkhidmatan penerbangan tersebut akan berpatah balik dari Tawau ke Kota Kinabalu melalui laluan yang sama dengan kekerapan penerbangan sebanyak dua kali sehari.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh penularan wabak COVID-19, perkhidmatan penerbangan bagi laluan ini telah dikurangkan pada tiga kali seminggu iaitu hari Isnin, Khamis dan Sabtu bermula pada 1 Ogos 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat Libaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa pengangkutan udara adalah sangat penting yang harus ditambah baik demi kemudahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penerbangan MASWings yang sedia ada bersifat *zigzag*. Apakah pandangan kementerian terhadap cadangan perjalanan yang lebih lancar lagi iaitu dari Kota Kinabalu ke Sandakan dan ke Lahad Datu. Lahad Datu ke Tawau dan dari Tawau pula balik ke Kota Kinabalu?

Selain daripada itu, memandangkan krisis wabak COVID-19 telah membawa bencana besar yang lebih besar dalam impak ekonomi Malaysia. Minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimanakah kerajaan dan pemain industri penerbangan dapat mengatasi pada saat-saat industri penerbangan – yang sangat genting ini yang berlaku di negara kita, Malaysia. Mohon Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Libaran. Situasi pada masa ini – saya

hanya menjawab dalam skop MASWings Sabah dan Sarawak ini iaitu tentang – sekarang ini ATR kita iaitu ATR 72 pada saat ini setakat 31 Oktober 2020, ATR hanya beroperasi 48 peratus dan *Twin Otter* hanya beroperasi 81 peratus sahaja. Bagi ATR, jumlah *loading* hanyalah dalam peratusnya 40 peratus sahaja iaitu dalam anggaran seramai 422 orang penumpang Sabah dan Sarawak sehari iaitu lebih kurang seramai 2,954 orang sahaja sepanjang minggu.

Twin Otter pula setakat 31 Oktober 2020, *loading*-nya hanyalah sejumlah 67 peratus sahaja iaitu sebanyak 249 sehari dan lebih kurang seminggu 1,243 sahaja. Jadi dalam hal ini, untuk penambahbaikan pada masa ini MAVCOM sentiasa *monitor loading* kita setiap hari sebenarnya dan *based on loading* inilah mereka melihat perkembangan bagaimana untuk menambah penerbangan ataupun melihat laluan-laluan, supaya penerbangan itu tidak kosong begitu sahaja. Contohnya sebelum ini, Kuching ke Limbang tidak penuh, tetapi disambung Kuching, Limbang ke Miri. Selepas itu Miri, Limbang dan Kuching jadi *flight* itu akan sentiasa *at least more than 60 percent* untuk menambah.

Jadi perkara ini untuk menambah baik ini, saya pada masa ini – MASWings itulah hanyalah melihat, *monitor* keadaan daripada masa ke masa dan juga mengikut keputusan yang dibuat oleh kerajaan tentang situasi melintasi daerah dan sebagainya. Jadi, itu yang saya dapat katakan pada masa ini. Inilah yang dibuat sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Okey, Yang Berhormat Menteri, rentetan daripada pengaktifan semula penerbangan MASWings di Sabah dan *retrenchment* oleh beberapa buah syarikat penerbangan seperti MALINDO, apakah pelan perancangan bersasar kementerian melalui MAS untuk jangka masa pendek dalam memastikan *retrenchment* bukanlah pilihan utama dalam apa juga keputusan berkenaan dengan *survival* syarikat penerbangan kita? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih. Saya rasa tadi perkara tersebut juga dibangkitkan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan juga perkara ini ada berkaitan juga dengan MOF yang menentukan berkaitan dengan mungkin subsidi ataupun bagaimana *rationalization* untuk memastikan penerbangan kita ini boleh *sustain* kita punya syarikat-syarikat penerbangan ini dalam keadaan situasi sekarang ini. Jadi, rasanya saya tidak berani hendak bercakap di sini apakah yang dibuat. Ini kerana, perkara ini juga kita kena berhubung, duduk bersama dengan Kementerian Kewangan dalam perkara ini. Terima kasih.

6. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Kesihatan menyatakan pendirian kementerian tentang penggunaan Vitamin C dalam rawatan penyakit COVID-19, khususnya penggunaan Vitamin C dalam bentuk suntikan intravena dalam merawat kes-kes COVID-19 yang serius.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:

[Membaca doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, sejak kemunculan pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan Protokol Rawatan COVID-19 yang dikemas kini berdasarkan saranan badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kajian saintifik dan keberkesanan rawatan ke atas pesakit-pesakit di Malaysia dan juga di luar negara.

Sehingga kini tiada ubat khusus bagi merawat penyakit COVID-19. Penggunaan suntikan Intravena Vitamin C tidak termasuk di dalam Protokol Rawatan COVID-19 di Malaysia. Ini adalah kerana, berdasarkan kajian dan bukti saintifik yang telah dijalankan di luar negara, data keberkesanan penggunaan suntikan Intravena Vitamin C terhadap penyakit COVID-19 masih lagi tidak mencukupi dan memerlukan kajian yang lebih mendalam.

Oleh yang demikian, pemberian suntikan Vitamin C juga tidak dimasukkan di dalam Protokol Rawatan COVID-19 di negara-negara lain seperti Singapura dan juga Australia. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum mengenai perkembangan terkini khususnya mengenai rawatan COVID-19 dan akan sentiasa mengemas kini protokol rawatan berdasarkan bukti saintifik dan saranan badan antarabangsa bagi memberikan rawatan yang selamat dan terbaik kepada semua pesakit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Kedah, silakan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian kepada tiga perkara. Pertamanya, aspek-aspek keselamatan dan keberkesanan atau *efficacy* vitamin C dalam merawat COVID-19 dan jangkitan virus itu ada dalam pelbagai makalah, dalam bentuk pelbagai kajian. Cuma kementerian perlu membaca lebih luas dalam bidang-bidang khusus seperti *nutritional medicine* dan *orthomolecular medicine*, tidak hanya dalam jurnal-jurnal tertentu sahaja.

Keduanya ialah satu kajian oleh pakar-pakar Kementerian Kesihatan sendiri yang telah dilakukan di Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh dan telah dipamerkan kepada *public* pada bulan Julai lepas. Kajian itu menunjukkan hasil yang sangat *impressive*, sangat memberangsangkan dan rawatan jangkitan COVID-19 yang serius, kadar sembuh dan kadar pulihnya itu sangat memberangsangkan. Itu oleh

pakar-pakar Kementerian Kesihatan sendiri. Apakah itu tidak cukup untuk kementerian bergerak ke hadapan dan lebih positif terhadap penggunaan vitamin C? Salah seorang pengkaji itu ialah pakar perubatan dalaman yang merupakan *the top physician* pada Kementerian Kesihatan.

Ketiga ialah satu kajian yang sangat besar yang dilakukan di Wuhan, China diketuai oleh Profesor Peng Zhiyong. Beliau telah menyenaraikan dengan lengkap metodologinya dalam *British Medical Journal*, sebulan lepas. Kajian itu akan keluar dengan terperinci penghujung tahun ini dan kajian itu merupakan *multicentre randomised controlled trial* yang sangat baik di dunia. Apakah kita tidak boleh berhubung dengan beliau dan cuba menggunakan kaedah rawatan yang selamat dan mudah dan murah ini untuk menyelamatkan nyawa di ketika kita ada keperluan yang mendesak begini? Perlukah kita terus menunggu menjadi pengikut sahaja? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya ucapkan tahniahlah kerana Yang Berhormat Kuala Kedah ini nampak gaya mendalami begitu hebat sekali dalam *orthomolecular medicine*.

Ada tiga perkara tadi. Pertamanya tentang *efficacy* yang telah dijalankan. Banyak kajian yang dikatakan dijalankan tetapi saya setuju, KKM setuju dengan perkara ini. Malah, kajian-kajian telah dijalankan lebih dari 50 tahun lagi tetapi tidak ada kajian yang betul-betul dapat menentukan apa yang saya maksudkan dengan *effectiveness* dan *safety*. Jadi, oleh sebab itu kita lihat, banyak negara di dunia ini tidak meletakkannya di dalam protokol rawatan penyakit-penyakit COVID-19 yang serius. Walaupun kita tidak ada ubat pada ketika ini tetapi rawatan dibuat secara *symptomatic* dan juga secara *prophylaxis*. Memang pesakit-pesakit diberikan *antibiotics*, *antivirus*, diberikan ubat-ubat *immunomodulatory* dan sebagainya. Jadi, tentang kajian yang telah lakukan, saya setuju. Cuma, tidak ada yang dapat menentukan, memberikan jaminan yang sepenuhnya itu.

Perkara keduanya Tuan Yang di-Pertua, tentang kajian yang telah dilakukan oleh KKM sendiri. Tahniah Yang Berhormat Kuala Kedah. Memang betul, satu kajian perbandingan retrospektif telah dijalankan bertajuk, dengan izin, "*Effects of High Dose Vitamin C Supplementation on Severe COVID-19 in Patients in the ICU*". Jadi, ini dibuat di dua buah hospital besar iaitu di Hospital Ipoh dan juga HKL, di mana mempunyai kohort yang kecil iaitu hanya 14 pesakit. Kajian ini telah dibentangkan pada 24 Ogos di NIH, di *13th National Conference for Clinical Research*. Jadi, telah dibentangkan pada *public*, ramai yang tahu dan antara keputusan yang dikatakan

bagus itu ialah kadar kematian kepada mereka yang diberikan *intravenous* vitamin C ini yang di dalam ICU hanya 14.3 peratus. Sedangkan yang tidak diberikan vitamin C ialah 71.4 peratus.

Keduanya, tentang *duration* ataupun masa pesakit-pesakit ini menggunakan ventilator. Kepada yang guna vitamin C, hanya 14 hari. Kepada yang tidak gunakan, 19 hari lebih. Begitu juga masa yang digunakan untuk *weaning oxygen therapy*, dengan izin. Untuk mereka yang menggunakan vitamin C, 16 hari. Mereka tidak menggunakan, 23 hari. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kajian ini adalah kajian yang baik, kita dapati sebagai rawatan tambahan untuk pesakit serius, ia memberi manfaat, Yang Berhormat Kuala Kedah. Masalah di sini ialah kajian ini kajian retrospektif, yang tidak begitu kemas kerana kohort nya yang kecil, hanya 14 pesakit.

Jadi, apa yang kerajaan ataupun KKM hendak buat sekarang ini adalah *planning* untuk membuat satu kajian yang lebih menyeluruh, yang lebih mendalam, yang lebih efektif. Kajian *prospective*, dengan izin, *randomised controlled study* pada masa akan datang untuk melihat keberkesanan dan juga keselamatan menggunakan *intravenous infusion* vitamin C ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua. Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa belum ada ubat penawar yang sebenarnya berhubung kait dengan serangan virus COVID-19 ini. Akan tetapi kita dimaklumkan bahawa beberapa buah negara, termasuk negara China pun telah dapat mengeluarkan vaksin yang boleh membendung serangan ini. Jadi, apakah Malaysia tidak berhasrat untuk berunding dengan negara China untuk mendapatkan vaksin tersebut? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan telah pergi jauh ke atas lagi di mana menceritakan tentang vaksin. Vaksin ini menjadi perkara yang panas sekarang ini diceritakan. Kita lihat dulu Rusia telah *claim*, mengatakan Sputnik V adalah vaksin yang pertama dalam dunia. Kita dapat dengar di negara sini, negara sana ada beritahu, "*Kami sudah dapat mengeluarkan vaksin*". Akan tetapi semua ini belum ada keputusan yang jitu. Tidak ada data yang betul untuk menentukan kesahihan, keberkesanan dan keselamatan vaksin-vaksin ini.

Apa yang sedang kita lakukan sekarang ini di negara kita ini ialah KKM bersama dengan MOSTI telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 untuk memastikan bekalan vaksin bila ada nanti, kita ada,

umpamanya. Jawatankuasa khas ini dianggotai oleh pelbagai kementerian kerana peranannya penting. Peranan untuk menyatakan polisi vaksin kebangsaan dan pemilihan calon vaksin, pendaftaran logistik dan pembangunan vaksin tempatan, tentang kewangan dan perolehan hendak beli nanti dan komunikasi strategik.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, WHO hanya mengumumkan 10 calon vaksin yang dalam fasa ketiga kajian klinikal. Di antara 10 ini belum ada yang sampai ke peringkat yang akhir. Sudah tentulah di negara kita, tidak ada pendaftaran di pihak NPRA. Kita memerlukan data yang jelas untuk menilai aspek kualiti, aspek keselamatan dan aspek keberkesanan sebelum kita dapat menentukan dari negara mana atau dari syarikat mana yang kita akan ambil vaksin ini. Sudah tentulah selain daripada kita bersetuju untuk bergabung, untuk menyertai COVEX, fasiliti-fasiliti COVEX, dengan izin, kita juga masih lagi menjalinkan perhubungan ataupun G2G, perbincangan dengan negara-negara lain. Contohnya, China seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, ada beberapa syarikat biologi yang berusaha untuk mewujudkan vaksin pada hari ini. Akan tetapi sebuah negara pun tidak dapat memberikan kata putus sehingga hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan perkembangan kemajuan urusan perundingan penyelesaian berkaitan isu tanah Melayu di Kampung Baru Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun, walaupun tidak berada di Wilayah Persekutuan, telah mengemukakan soalan yang berkaitan dengan pembangunan Kampung Baru. Sukalah saya menjelaskan bahawasanya kerajaan terus komited untuk berikhtiar memajukan dan membangunkan Kampung Baru. Walaupun buat masa ini, bagi kedudukan yang terkini, usaha yang terakhir dilakukan untuk melaksanakan Pelan Konsep Pembangunan Kampung Baru 2019 yang berasaskan kepada pembelian ataupun menawarkan pembelian tanah daripada pemilik-pemilik dan setelah *survey* atau kajian dibuat, didapati hanya 61 peratus sahaja yang telah memberikan respons dalam bentuk yang positif. Dengan itu, kaedah itu tidak dapat diteruskan.

■1200

Akan tetapi ini tidak bermakna pembangunan itu terhenti di situ di mana sekarang ini kementerian dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu telah memulakan mengambil langkah seterusnya untuk membangunkan

Kampung Baru dengan membangunkan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru yang baru yang akan dipecah-pecahkan kepada lebih daripada 40 *parcel* dan akan dibangunkan secara organik *parcel* ke *parcel*. Dengan itu, kaedah-kaedah bagi menyelesaikan masalah pemilikan oleh tuan-tuan tanah dijangka akan dapat dilakukan dengan lebih mudah. Sebagai permulaan, beberapa *parcel* tertentu boleh dimulakan pembangunannya mulai pada tahun hadapan.

Untuk memastikan komitmen kerajaan yang berterusan bagi pembangunan ini, pihak kementerian telah membuat bidaan peruntukan dengan Kementerian Kewangan sebanyak RM1.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi membolehkan usaha-usaha menaiktarafkan kemudahan dan prasarana di Kampung Baru dapat dilaksanakan serta-merta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja. Dah tamat 12, okey satu, satu. Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Okey, baik-baik. Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang memberikan jawapan bahawa pelan yang asal yang telah diusahakan sebelum ini telah pun dihentikan dan telah melancarkan satu pelan baru yang mana dikatakan pelan baru ini telah diagihkan kepada 40 *parcel* seluruh kawasan di Kampung Baru yang lebih kurang dalam 200 ekar. Maka kalau 40 *parcel*, maka lebih kurang lima ekar satu *parcel* dan ianya akan dibangunkan secara organik.

Saya hanya mengulangi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kerana saya merasakan bahawa jawapan yang diberikan itu tidak memberikan satu gambaran yang jelas. Apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan secara organik? Adakah kita hendak bangunkan lima ekar secara berperingkat-peringkat dan bagaimana kalau kita hendak bangunkan secara berperingkat-peringkat lima ekar setiap *parcel*, kita boleh menjamin satu perancangan yang baik dan berkesan? Sedangkan perancangan yang asal yang telah dikemukakan mengandungi satu taman seluas 25 ekar dan tidak akan ada mana-mana pemaju yang akan sanggup beli 25 ekar untuk dijadikan sebagai satu taman.

Saya merasakan bahawa jawapan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan tidak memuaskan sama sekali. Jumlah 61 peratus adalah melebihi 50 peratus daripada penduduk dan itu pun ianya adalah jumlah yang telah diperolehi pada bulan Februari sebelum kerajaan dikhianati dan dijatuhkan. [Tepuk] [Dewan

riuh] Sedangkan tarikh tamat usaha kita adalah pada bulan Jun. Daripada Februari sampai Jun kita yakin kita boleh dapat kalau diusahakan sampai 75 hingga 80 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Akan tetapi malangnya Menteri Wilayah Persekutuan telah gagal untuk melakukan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Soalan saya, adakah...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan mana soalan?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ini soalnya, adakah Kementerian Wilayah Persekutuan melihat Kampung Baru sebagai satu masalah di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur yang perlu dibangunkan secara terancang dengan memberikan harga pembelian yang baik dan munasabah kepada pemilik-pemilikinya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya tidak boleh bahas Yang Berhormat, soalan sahaja. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Shah Alam sebab sebagai seorang perancang bandar, apa yang dapat saya katakan saya boleh menawarkan dia untuk pergi buat kursus diploma *in town planning*. *[Ketawa]* Barulah dia boleh faham.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ramai perancang bandar di DBKL.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Barulah dia akan faham apa yang saya hendak katakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, yang dapat sijil mereka lebih awal daripada Yang Berhormat Menteri. Mereka terlibat dalam perancangan yang telah di... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kasihanilah dia dan maafkanlah dia tentang apa yang dia tersasul tadi itu. *[Ketawa]* Yang saya hendak sebutkan di sini ialah komitmen pembangunan berterusan. Pelan konsep dulu yang dinamakan Pelan Konsep 2019, asas-asas itu masih boleh dipakai. Dalam perancangan fizikal *planning*, pelan itu boleh diubahsuaikan, tidak semestinya pakai semua yang ditinggalkan oleh kerajaan lama. Ada juga benda sikit-sikit di situ baik tetapi tidak cukup baik dan tidak cukup praktikal untuk nak dilaksanakan.

Akan tetapi saya harap Yang Berhormat Shah Alam beri peluang kepada saya dan juga kerajaan untuk menggunakan pembangunan cara Perikatan Nasional setelah cara Pakatan Harapan gagal untuk dilaksanakan. *[Tepuk]* Saya mengulangi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tidak gagal, tidak sempat kerana dikhianati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi komitmen Kerajaan Perikatan Nasional sekali lagi bahawasanya usaha membangunkan Kampung Baru tetap akan diteruskan. Langkah awal yang akan diambil tanpa membuang masa dengan cara Pakatan Harapan dulu iaitu kita akan terus membangunkan segala kemudahan prasarana utama dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion.

Dalam pada itu, *parcel* lima ekar ini Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah bandar, itu dah cukup amat besar Tuan Yang di-Pertua. Satu ekar pun orang dah berebut-rebut hendak membangunkan. Dengan adanya *parcel* lima ekar, kita boleh menjalankan pembangunan dengan melibatkan pemilik-pemilik tanpa kita paksa.

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, tidak ada dalam mana-mana undang-undang menyatakan kalau 50 peratus bersetuju, ertinya kita boleh mengambil tanah-tanah tersebut sebab konsep menawarkan harga berdasarkan *willing buyer* dan *willing seller*, keseluruhan tuan punya tanah mesti bersetuju. Kalau ada seorang sahaja pun yang tidak bersetuju, proses pembelian secara *willing buyer and willing seller* tidak dapat dilaksanakan. Akan tetapi macam saya katakan tadi, maafkanlah Yang Berhormat Shah Alam, memang caranya begitu. Saya pun dah maafkan dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Saya dah ulang ini tiga kali sebenarnya. Terima kasih semua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARATDI BAWAH P.M. 18(1)**BANTAHAN KERAS TERHADAP KENYATAAN
BERUNSUR ISLAMOFobia OLEH PRESIDEN PERANCIS****12.07 tgh.**

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Bahawa saya Mahfuz Omar, Ahli Parlimen Pokok Sena memohon kebenaran agar Majlis Mesyuarat hari ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk merunding perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan, membahas usul bagi kerajaan dan Parlimen mengambil tindakan tegas dan bantahan keras terhadap kenyataan Presiden Perancis Emmanuel Macron yang telah membuat dakwaan berunsur Islamofobia dengan berselindung di sebalik kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat ketika beliau menghadiri majlis pengebumian mendiang Samuel Paty seorang guru sekolah menengah yang telah dibunuh selepas didakwa memaparkan karikatur Charlie Hebdo yang merujuk sebagai Nabi Muhammad SAW ketika mengendalikan subjek berkaitan kebebasan mengeluarkan pendapat. Presiden Macron kemudiannya menggambarkan pembunuhan tersebut sebagai serangan penganas Islam yang tipikal. Tatkala memberikan penekanan bahawa Perancis kata beliau akan terus mempertahankan karikatur Charlie Hebdo sebagai Nabi Muhammad SAW tersebut meskipun ia diselubungi sebagai kontroversi dan tidak sensitif terhadap masyarakat Islam.

Hal yang demikian, saya menyeru agar Dewan yang mulia ini mengecam dan mengkritik kenyataan Presiden Perancis tersebut di samping tidak bersetuju dengan pembunuhan ke atas Samuel Paty yang sewajarnya diserahkan kepada proses undang-undang. Sesungguhnya saya percaya bahawa sensitiviti keagamaan seharusnya dihormati di mana kepelbagaian agama haruslah membawa kepada keharmonian dan perpaduan dan bukannya menimbulkan konflik sesama manusia.

Usul ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana kita tidak mahu perkara ini menjejaskan keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama di seluruh dunia. Kebimbangan saya di Perancis sekarang ini, Macron telah mengarahkan polis menyerbu ke masjid-masjid dan mengusir jemaah masjid dan mengarahkan menutup sebahagian dari masjid yang ada di Paris.

■1210

Memandangkan Presiden Macron enggan menarik balik ucapan yang penuh dengan kebencian terhadap Islam, saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar pihak kerajaan dan Parlimen Malaysia mengambil tindakan dan menghantar

nota bantahan keras melalui Kedutaan Perancis di Kuala Lumpur, menuntut Macron menarik balik kenyataan biadab dan memohon maaf kepada seluruh umat Islam dan masyarakat dunia.

Saya juga menyeru Ahli-ahli Dewan yang mulia tanpa mengira kaum bersama menyokong usul ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya bersetuju bahawa usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat adalah mengenai satu perkara yang tertentu, mengenai kepentingan orang ramai dan juga berkehendak disegerakan.

Oleh itu, saya membenarkan usul itu untuk dibahaskan dan dirundingkan di Kamar Khas pada hari ini, 3 November 2020, bermula waktu sekarang. Saya akan membenarkan perbahasan berlangsung sehingga jam 1 petang. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 6 November 2020, jam 4.00 petang.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2020

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa yang tertentu bagi tujuan keselamatan, untuk mengawal selia objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[2 November 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu. Yang Berhormat Bandar Kuching, mengenai perkara semalam, izinkan saya membuat keputusan. Saya telah menerima surat yang tidak bertarikh daripada Yang Berhormat Bandar Kuching pada 1 September 2020 mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Puteh.

Semasa perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 mengenai pemandu mabuk, Yang Berhormat Pasir Puteh telah menyatakan pandangan dan kefahaman beliau melalui kaca mata Islam. Pandangan itu merupakan sebahagian daripada kepercayaan dan akidah Islam.

Perlu juga ditekankan bahawa Yang Berhormat Pasir Puteh secara terang dan secara langsung mengatakan di dalam *Hansard* bahawa dia tidak sama sekali—saya petik. Dia, “*Tidak sama sekali berhasrat untuk memburukkan mana-mana agama*”. Namun, di dalam kehangatan perdebatan di mana Yang Berhormat Pasir Puteh berhujah secara spontan, pemakaian perkataan ‘dipesongkan’ dan ‘diubah’ itu mengguris hati dan memberi kesan kepada saudara-saudara kita yang beragama Kristian.

Untuk memelihara keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia, saya meminta dan memohon Yang Berhormat Pasir Puteh untuk meminta maaf dan menarik balik kedua-dua perkataan tersebut kalau boleh. Dipersilakan Yang Berhormat.

12.14 tgh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam ucapan saya pada 26 Ogos 2020 yang membabitkan perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan yang telah dibentangkan, di dalam ucapan tersebut saya ada menyebut perkataan ‘pesong’ dan Yang Berhormat dari Beruas minta saya— dalam *Hansard* menyebut, “*Itu saya harap perkataan seperti pesong ini jangan digunakan.*”

Saya sangat menghormati rakan-rakan yang memeluk agama yang berbagai-bagai. Namun, untuk mengelak kekeliruan yang berlaku, suka saya sebut bahawa isu yang membabitkan Bible bukan sahaja isu yang membabitkan penganut-penganut agama Kristian. Kami umat Islam juga beriman dengan kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa AS. Itu adalah akidah yang kami pertahankan. Saya sebut 'dipesong' ataupun 'dipinda' itu, tujuan saya ialah untuk mempertahankan keaslian kitab yang ada supaya mana-mana kitab yang diturunkan itu tidak ada sebarang perubahan.

Namun, di dalam isu yang menyentuh arak, apabila Yang Berhormat Beruas menyatakan bahawa secara umumnya di dalam ajaran Kristian dibenarkan minum arak sedangkan mengikut fakta akademik di dalam agama Kristian, ada tiga aliran berkenaan dengan arak. Di mana aliran yang pertama iaitu *prohibitionist* iaitu aliran yang tidak membenarkan minum arak sama sekali. Ini adalah fakta akademik. Keduanya iaitu *abstentionist* iaitu aliran mengatakan arak boleh diminum tetapi sangat jijik, keji dan perlu dijauhi. Ini adalah yang dipegang oleh Yang Berhormat dari Beruas. Dan yang ketiga iaitu *moderationist*. *Moderate* ini yang mengatakan boleh minum tetapi dalam kuantiti yang sedikit.

Bermakna di sana apabila Yang Berhormat Beruas mengatakan secara umumnya boleh, saya rasa itu tidak adil yang menyebabkan saya bercakap secara *direct* ini berlaku perkataan 'dipesong' dan seumpamanya.

Maka hari ini saya tarik balik perkataan 'dipesong' itu dengan saya mengatakan, "*Adakah Yang Berhormat menggunakan kitab aliran baharu yang telah diubahsuai?*", bukannya yang telah 'dipesong'. Jadi, saya pohon maaf sekiranya ada yang terguris kerana saya tidak berniat begitu. Apa yang saya niat iaitulah hendak mempertahankan kitab Injil yang asal yang diturunkan kepada Nabi Allah Isa AS tanpa sebarang perubahan menyebabkan saya pertahankan benda ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas petua yang diberikan tadi. Memang saya tidak ingin memanjangkan isu ini tetapi bagi saya sebagai seorang Ahli Parlimen, kita haruslah berjaga-jaga dengan kata-kata kita.

Sebenarnya selepas ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat pada hari itu, selepas itu apabila pihak media bertanya kepada isu tersebut, beliau juga telah mengeluarkan satu kenyataan yang bagi saya juga mengguris hati orang Kristian di mana beliau mengatakan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Itu di luar..

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Tidak ada hak untuk *to be insulted*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar Dewan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jadi bagi saya, sekarang kita selesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jangan pula hendak mempertahankan jika hendak— saya hormati. Saya hormati agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tetapi jangan cakap atau hina... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sudah selesai di dalam Dewan. Yang di luar Dewan, tidak apalah, kita selesai di luar Dewan ya. Maaf.

Saya hendak teruskan perbahasan Rang Undang-undang Koperasi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Papar sebagai pembahas selanjutnya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat 12(1).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar sini, Papar.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan Mesyuarat 12(1).

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap. Yang Berhormat Bagan ada peraturan.

■1220

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Peraturan untuk Mesyuarat, ya. Saya, kerana saya masuk selepas usul dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Berkaitan dengan usul untuk menetapkan masa persidangan untuk minggu ini sehingga hari Khamis pada pukul 1.00 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tapi yang ini dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Ini saya rasa tidak berapa tepat kerana kalau kita lihat 12(1) adalah untuk setiap hari. So adakah saya boleh dapat panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah satu usul akan dikemukakan esok juga kerana tidak boleh dilanjutkan untuk satu minggu. Persidangan, *sitting* adalah untuk satu hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat untuk satu hari. Persidangan untuk.....

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So esok akan buat satu usul lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Persidangan untuk- tiap-tiap persidangan, Majlis ialah- tapi 12(1) tidak mengatakan apa-apa bahawa sesuatu usul di bawah 12(1) itu hanya boleh dibuat untuk satu hari sahaja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, kalau kita lihat definisi *sitting* atau persidangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *It is a day.* So ini ialah 'sound' untuk hari itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya tapi usul dibuat.....

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tapi tidak boleh dipanjangkan untuk satu minggu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya tapi persidangan memang hanya untuk satu hari tetapi 12(1) tidak mempunyai apa-apa kekangan untuk dibuat usul untuk mengurangkan waktu persidangan itu bagi tiap-tiap persidangan pada satu usul. Dia tidak ada kata satu usul hanya satu persidangan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, bolehkah saya dapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Yang Berhormat Menteri akan buat satu lagi usul esok kan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tidak atau tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tapi ini nampaknya bercanggah dengan definisi apa takrifan persidangan, *sitting*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya persidangan itu memang ditakrifkan persidangan untuk hari ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi 12(1) tidak menetapkan bahawa usul mesti dibuat pada setiap persidangan. Dia tidak cakap macam itu. Jadi, boleh satu usul dibuat untuk beberapa persidangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya rasa saya ada pandangan lain. Tapi ini terpulang kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah perhatikan perkara dan usul telah diluluskan. Namun tidak apa, saya akan kaji juga.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *You semak dengan Erskine May, definition of sitting is actually one day.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *Cannot be extended in one week. So, itu sebab saya, sekiranya ia dilaksanakan, boleh buat usul setiap hari.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham. Memang persidangan itu untuk satu hari tapi 12(1) tidak *require* usul itu pada tiap-tiap persidangan. Usul boleh dibuat untuk beberapa persidangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tambah sikit.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *Not accurate* Tuan Yang di-Pertua *because definition of a sitting is for a day.*

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Boleh harap Tuan Yang di-Pertua boleh rujuk kepada *Erskine May*.

Tuan Yang di-Pertua: *Alright.* Tapi.....

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Lagi satu perkara. Ini *just* teknikal lah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *I think we want to comply with the Parliamentary procedure.* So itu yang saya cadangkan kalau boleh. Sungguhpun kita ada pandangan berbeza tapi daripada segi *procedure* harus dikemukakan setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, terima kasih. Usul telah diluluskan. Sebenarnya kalau hendak dipersoalkan, maka perlu dibuat usul untuk persoalkan kelulusan itu. Tapi tidak apa, saya akan tengok juga.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya tidak mempersoalkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan tengok juga.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya akan cakap kalau kita ikut *procedure*, usul harus dikemukakan esok dan juga selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya tengok.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itu *simple* sahaja. Tapi harus dikemukakan setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi usul sudah diluluskan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh pastikan tiga perkara utama dalam meningkatkan tempoh masa persidangan kepada 1.00 petang. Sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita boleh pastikan bahawa tempoh masa yang diberikan untuk perbahasan tidak akan dikurangkan kerana ini akan menjejaskan masa perbahasan untuk Ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap ini yang pertama. Kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa semua itu atur cara dan juga perjalanan Parlimen

seperti *Ministers Question Time*, Kamar Khas dan sebagainya tidak akan terganggu ataupun terjejas.

Tuan Yang di-Pertua: Kita lihat perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ketiga ialah yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, pastikan bahawa keunggulan Parlimen sebagai satu badan yang paling tertinggi dalam Perlembagaan Malaysia tidak tergugat supaya ia tidak akan dilihat sebagai satu usaha untuk sabotaj perjalanan Parlimen. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh pastikan keunggulan Parlimen dapatlah dipelihara supaya ahli-ahli Parlimen dapat menjalankan tugas kita seperti mana yang diamanahkan oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Saya, *I'll be the last person to sabotage the Parliament*, Yang Berhormat. Diminta Yang Berhormat Papar untuk membahaskan Rang Undang-undang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan ya, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa itu?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah. Sudah bincang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit, perkara yang sama sebab.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Kita sudah bincangkan perkara ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, kita akan....

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri belum kemukakan usul untuk hari ini, usul semalam...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah kemukakan tadi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Papar silakan.

12.25 tgh.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Koperasi 2020 ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said] mempengerusikan mesyuarat]

Seperti mana yang kita tahu di Malaysia ini ada beribu-ribu koperasi. Di Sabah, ada lebih daripada 1,550 buah koperasi yang berdaftar setakat tahun 2019. Ada di antara koperasi-koperasi ini yang berjaya di lapangan yang diceburi dan ada juga yang nazak dan tidak berjaya. Seperti yang kita tahu, koperasi boleh menjalankan berbagai-bagai aktiviti perniagaan seperti kewangan, perbankan, perumahan, aktiviti-aktiviti pengguna, pengangkutan, perladangan, penternakan, perindustrian, pembinaan, perkhidmatan dan sebagainya. Kepada koperasi-koperasi yang berjaya dan untung, maka ekonomi ahli-ahlinya akan dapat kita naikkan tetapi kepada koperasi-koperasi yang gagal dan nazak, ia memerlukan bantuan daripada kerajaan yang sangat prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita imbas kembali ketika pentadbiran Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan, Warisan telah diperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang antara objektifnya ialah untuk mempertahankan dan memperhebatkan keupayaan perusahaan mikro kecil, sederhana dan koperasi. Dalam dasar tersebut dinyatakan sasaran jangka masa sederhana dan panjang untuk perolehan koperasi bagi tahun 2025 dan 2030 di mana sebanyak RM50 bilion disasarkan pada tahun 2025 dan RM60 bilion pada tahun 2030. Peningkatan sebanyak RM10 bilion dalam jangka masa lima tahun merupakan amaun yang cukup tinggi bagi aktiviti ekonomi berasaskan koperasi, sedangkan pada tahun 2018, jumlah perolehan adalah RM40.3 bilion. Perbezaan sebanyak RM9.7 bilion untuk tempoh tujuh tahun.

Jadi, berdasarkan sasaran tersebut, saya ingin membangkitkan beberapa soalan yang turut berkait dengan seksyen 5, sub seksyen 1, sub seksyen A, rang undang-undang ini. Pertama, adakah dasar kerajaan, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 ini masih diteruskan oleh kerajaan Perikatan Nasional? Jika ya, apakah manifestasi baharu yang sedang digarap bagi memastikan segala inti pati yang dihasratkan untuk pembangunan koperasi dapat direalisasikan bagi mencapai sasaran perolehan sebanyak RM50 bilion untuk tahun 2025? Kedua, memandangkan hanya 20 orang ahli sahaja yang diperlukan untuk menubuhkan koperasi asas mengikut pindaan seksyen 5 tersebut, apakah elemen-elemen yang boleh ditambah nilai oleh Suruhanjaya Koperasi (SKM) dalam menjayakan penglibatan lebih ramai rakyat di Malaysia terutamanya di negeri Sabah dalam koperasi?

Ketiga, dengan pindaan tersebut, apakah wujud perancangan kementerian untuk tahun 2021 bagi membina pejabat Wilayah Suruhanjaya Koperasi Malaysia di negeri Sabah terutamanya di Parlimen Papar dan untuk kawasan-kawasan lain yang mempunyai masalah-masalah logistik dan pencapaian internat yang kurang baik? Ini kerana panduan penubuhan koperasi yang dinyatakan di laman web Suruhanjaya

Koperasi Malaysia ada dinyatakan kaedah permohonan boleh dibuat iaitu melalui borang yang disediakan di pejabat Wilayah SKM ataupun menerusi *online form* yang boleh dimuat turun daripada sistem aplikasi atas talian SKM.

■1230

Dalam soal ini, saya lebih memikirkan perihal masalah pengangkutan yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat dari kawasan kampung dan pedalaman di Sabah untuk mendapatkan borang pendaftaran di pejabat wilayah SKM yang mungkin jauh dari tempat tinggal mereka.

Saya juga memikirkan masalah pencapaian internet yang tidak begitu bagus di sebahagian besar kawasan luar bandar mahupun di pekan di Sabah, di samping kekurangan mereka daripada aspek literasi komputer dengan izin.

Kementerian berkenaan seharusnya memikirkan soal ini memandangkan pengurangan kepada 20 orang ahli untuk penubuhan sebuah koperasi asas akan menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan rakyat daripada pelbagai segmen ekonomi untuk menceburkan diri dalam aktiviti koperasi. Jika kekangan-kekangan seperti yang saya nyatakan tadi tidak ada penyelesaian, bagaimanakah rakyat Sabah yang berminat untuk melibatkan diri dalam koperasi dapat dibantu oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, ketika rakyat sedang bergelut dengan masalah ekonomi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sudah habis masa.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: 20 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kata lima minit?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya belum sampai 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa? Lima minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sudah sampai 20 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Lima minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sudah *bah*. Saya dimaklumkan senarainya lima minit *bah*. Mohon maaf *bah*.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tak apalah. Okey, sekian sahaja ucapan saya untuk Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik. Tidak ada. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sepang. Silakan Yang Berhormat.

12.32 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya pun tidak tahu nama saya ada ini. Akan tetapi, tidak mengapa saya *ready* hendak bantai kerajaan tebuk atap ini tidak kisah, boleh sahaja.

Jangan marah, relaxlah. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati rang undang-undang ini – saya tidak ada masalah cuma saya ada sedikit *reservation* tentang melibatkan seksyen 24 yang melibatkan isu pindaan – yang melibatkan yang saya rasa ada kaitan dengan hukum *inheritance* dalam Islam dengan izin. Apabila seseorang itu – kalau kita lihat dalam pindaan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak Yang Berhormat Menteri ada memikirkan tentang kesan sekiranya undang-undang ini diluluskan iaitu keadaan yang mana pada asalnya memang – katakan orang itu bukan Islam, tiba-tiba masuk Islam. Selalunya ada masalah.

Saya pernah mengalami masalah ini. Saya menyatakan kepentingan saya. Dahulu semasa kes yang melibatkan KWSP juga ada isu seperti ini yang mana seorang itu asalnya dia bukan Islam meletakkan nama penama saudara dia daripada bukan Islam. Tiba-tiba dia masuk Islam. Jadi, daripada segi Islam, harta selepas dia meninggal itu jadi harta faraid.

Jadi, sekarang ini saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, dalam keadaan begitu bagaimana? Apakah kesan kepada penama dan juga kesan kepada keluarga-keluarga si mati yang kalau mereka memeluk Islam? Jadi, adakah – saya risau akan berlakunya satu konflik di situ iaitu konflik undang-undang.

Jadi, saya minta supaya kalau boleh pihak kerajaan memikirkan perkara ini dan bukan sahaja melihat kepada undang-undang ini, tetapi juga melibatkan beberapa undang-undang lain seperti undang-undang yang berkaitan dengan KWSP dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa undang-undang ini secara keseluruhannya saya tidak ada masalah. Cuma saya rasa dalam negara kita ini, kita bukan masalah undang-undang. Masalah kita ialah *enforcement* ataupun penguatkuasaan undang-undang. Kalau undang-undang baik pun, tiba-tiba ada dua darjat tidak guna ada undang-undang. Selagi mana kita benarkan kerajaan tebuk atap ini terus menjadi kerajaan, kita akan melihat dua darjat. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Hendak mula mengarut lah tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sudah habis?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Orang boleh tebuk atap rumah ini kira teruklah. *Hangpa* tak reti jaga rumah *hangpa*?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang, perbincangan sudah habis?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tidak ada isu. Tidak tahu hendak bahas apa. Hentam ikut ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah habis, dah la. Yang Berhormat Pendang pertahan Yang Berhormat Menteri tu. Kerajaan tebuk atap kalau tak, tak boleh duduk situ. Nasib baik tebuk atap, kalau tidak ada atap...

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tidak makan ubat *wei*? Makan ubat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang sudah habis?

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah habis, sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih sebab Yang Berhormat tidak cakap sudah habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, Tuan Yang di-Pertua tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tiba-tiba Yang Berhormat duduk. Saya pun terperanjat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, tolong bagi senarai nama siapa akan bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Selepas Yang Berhormat Sepang adalah Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lumut...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, Gerik, Gerik hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Selayang. Tadi Yang Berhormat Gerik sudah terlepas Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Masuk Padang Serai sekali. Minta Padang Serai masuk sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu.

12.35 tgh.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. [Membaca selawat]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Setiu untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993.

Dalam masa yang terbatas yang diberikan kepada saya ini, saya ingin mengambil peluang untuk menimbulkan beberapa persoalan dan cadangan serta menambahbaikkan selepas meneliti RUU ini agar pindaan yang dibuat boleh memberi manfaat kepada rakyat Malaysia sebaik mungkin.

Perkara pertama saya ingin bertanya bagaimana pihak kerajaan dapat memastikan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi ini telus, bebas dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dalam membuat pengauditan. Saya melihat telah berlaku pindaan terhadap jumlah pengaudit dalam koperasi ini daripada dua orang kepada tiga orang. Ini kerana, dalam bacaan yang telah saya buat, salah satu isu yang sering berlaku dalam koperasi ialah berkenaan kegagalan tadbir urus. Ini telah menimbulkan beberapa masalah dan memberi kesan yang buruk kepada prestasi mereka.

Akibat daripada permasalahan ini, koperasi menghadapi masalah penyelewengan yang menjejaskan reputasi dan menyebabkan tiada kepercayaan orang awam terhadap pengurusan koperasi. Malahan berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan masalah dalaman yang dihadapi pengurusan koperasi adalah seperti sikap tidak peduli ahli-ahli, kegagalan berdemokrasi, salah urus, kawalan pengurusan yang lemah, kurangnya kemahiran dan skandal kewangan sewajarnya ditangani dengan agresif bagi memastikan setiap penubuhan koperasi mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara.

Oleh demikian, saya mencadangkan agar diadakan sebuah jawatankuasa audit dalaman bagi setiap koperasi yang ditubuhkan dan memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik. Jawatankuasa tersebut mestilah bebas dan telus dalam mengeluarkan laporan audit. Hal ini kerana, saya mendapat aduan yang mana kebanyakan koperasi yang tidak mampu bertahan lama disebabkan oleh penyelewengan yang besar yang berlaku dalam koperasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah berkaitan dengan pemasaran barangan keluaran koperasi tempatan yang masih belum menembusi pasaran global. Saya berpandangan kerajaan sewajarnya memberi penekanan kepada aspek pemasaran di peringkat global selain membantu koperasi-koperasi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk mencari peluang membuka rangkaian perniagaan baharu.

Hal ini kerana, kebanyakan barangan keluaran koperasi tempatan masih belum mampu menembusi mana-mana negara lain termasuk negara jiran. Saya kira aspek ini wajar diberi perhatian serius dalam membantu koperasi-koperasi untuk terus maju ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar koperasi-koperasi sedia ada perlu digabungkan bagi mengusahakan produk-produk penghasilan makanan yang lebih tinggi sekali gus ia mampu menjamin bekalan makanan yang berterusan. Penubuhan koperasi sebegini bertujuan untuk membolehkan setiap koperasi membuat pengkhususan produk dan perkhidmatan mereka daripada peringkat pengeluaran sehinggalah ke peringkat pasaran dengan menitikberatkan standard dan kualiti.

■1240

Sebagai contoh, gabungan koperasi-koperasi petani di seluruh Malaysia diwujudkan bagi memastikan persaingan di antara koperasi dapat dikurangkan. Dalam masa yang sama, kerjasama antara koperasi ini mampu menghasilkan hasil yang lebih banyak, sekali gus kadar kebergantungan kepada barangan import boleh dikurangkan. Sehingga kini, koperasi-koperasi yang sedia ada tidak memberi satu komitmen mengikut sektor, malah mereka bergerak bebas mengikut mereka sendiri. Sedangkan penggabungan ini amat penting bagi menghasilkan sumber makanan secara besar-besaran, sekali gus mampu menjamin kelestarian sistem bekalan makanan. Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bayan Baru.

12.41 tgh.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pertama sekali saya ingin *register my protest* tentang pemendekan masa kerana kita bersedia untuk membahaskan, untuk membantu kerajaan melakarkan ulasan yang lebih baik tetapi *cut short*. Jadi, kita tidak dapat bahas dengan apa yang saya sedia, tidak cukup masa untuk dibahaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin mulakan dengan bahawa saya menyambut baik tentang rang undang-undang pindaan ini. Oleh kerana kita tahu apabila kita bicara tentang dunia perniagaan, biasanya kita rakyat Malaysia memandang tinggi kepada syarikat-syarikat besar dan anak-anak muda hendak jadi tokoh-tokoh korporat yang berjaya. Kebanyakan rakyat Malaysia memandang remeh tentang potensi koperasi. Koperasi sering memberikan gambaran kurang bermaya, tidak berdaya maju.

Hari ini saya ingin kongsi dua cerita koperasi yang berjaya di seluruh dunia. Satu adalah Sunkist dan satu lagi adalah Zespree. Sunkist adalah oren, sitrus, lemon dan

sebagainya dan Zespree adalah kiwi *fruit* dan sebagainya. Kedua-dua ini adalah bukan syarikat besar, mereka adalah koperasi besar dunia yang berjaya menggabungkan yang milik *farmers*, milik petani. Mereka berjaya memasarkan global, oren dan juga kiwi *fruit* kepada pasaran dunia dan berjaya terlepas daripada tekanan daripada orang tengah dan sebagainya. Mereka juga berjaya untuk melaksanakan R&D dan menembusi pasaran-pasaran di persada dunia.

Jadi, untuk Malaysia saya rasa saya ingin menyeru petani-petani kecil di Malaysia mencontohi kejayaan petani-petani kecil di Amerika Syarikat dan New Zealand untuk mengkaji model koperasi untuk memajukan sektor pertanian di Malaysia. Antara sektor pertanian di Malaysia, contohnya adalah pekebun-pekebun durian di Raub, Pahang, di Balik Pulau dan pesawah-pesawah Bario *rice* di Sarawak, pekebun-pekebun sayur di Cameron Highlands. Mereka boleh mencontohi *farmers corporation, cooperatives* yang seperti Zespree dan juga Sunkist.

Okey, walaupun rang undang-undang ini penuh dengan pelbagai potensi, adalah penting untuk kita meneliti aspek-aspek negatif, mungkin dan cabaran-cabaran yang mungkin berlaku. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 ini merupakan satu inisiatif kementerian untuk mempermudah penubuhan koperasi. Akan tetapi walau bagaimanapun, objektif ini ada sedikit cabaran juga. Kalau kita tengok sejarah, sejarah telah memberi banyak pengajaran kepada perkembangan koperasi di Malaysia. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa peristiwa sejarah hitam tahun-tahun 80-an. Pada tahun 1980-an banyak aktiviti penubuhan koperasi giat dijalankan. Antara paling giat menjalankan aktiviti penubuhan koperasi termasuklah parti-parti politik seperti MCA.

Pada suatu ketika, MCA menubuhkan sehingga puluhan koperasi dan berjaya menarik caruman berbilion ringgit daripada ahli koperasi. Antaranya yang paling terkenal adalah Multi-Purpose Holding Berhad. Pemimpin-pemimpin koperasi pada masa itu adalah tokoh-tokoh besar MCA seperti bekas Presiden MCA, Tan Sri Dr. Tan Koon Swan. Koperasi ini terbuka kepada rakyat biasa untuk mencarum dalam koperasi-koperasi yang ditubuhkan. Mengikut laporan, sejumlah 476,000 pencarum rakyat biasa tertarik dengan pelbagai janji dan harapan, sehinggakan mereka mengeluarkan wang simpanan dalam bank dan mencarum dalam koperasi-koperasi itu. Pada mulanya ia berjaya tetapi kerana pada tahun 1987 berlakunya kemelesetan ekonomi yang serius dan MCA juga berlaku krisis politik dalaman parti. Sebagai akibat perbalahan politik, koperasi tidak dapat diurus dengan baik dan masing-masingnya mengalami masalah.

Masa itu, Tan Sri Dr. Tan Koon Swan juga tersabit skandal Pan Electric Industries, maka berlakunya ketidakyakinan, krisis keyakinan dan krisis kepercayaan kepada koperasi. Akhirnya, ribuan, puluh-puluh ribu orang beratur di pusat-pusat

koperasi menuntut wang caruman itu dipulangkan dan malangnya ada 7 orang membunuh diri kerana kehilangan simpanan seumur hidup. Jadi, orang lama termasuk Menteri semestinya masih ingat tentang peristiwa pergolakan pada masa itu. Jadi, insiden ini menjadi pengajaran kepada kita. Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah mekanisme kerajaan atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia memastikan bahawa skandal-skandal lama itu tidak berlaku lagi? Dengan meletakkan pelbagai syarat mudah penubuhan koperasi, sudah tentunya pendaftaran koperasi akan bertambah banyak.

Jadi, saya ingin tahu tentang jumlah koperasi sebenar sekarang yang berdaftar dengan SKM. Bagaimana SKM menilai prestasi-prestasi koperasi sedia ada, adakah ia dinilai mengikut keuntungan atau dividen kepada ahli? Berapakah koperasi yang dikategorikan sebagai prestasi untung cemerlang, untung sederhana, rugi sederhana dan rugi teruk? Berapakah koperasi yang memberikan pulangan kepada ahli secara konsisten? Berapakah koperasi yang *dormant*? Selepas rang undang-undang ini diluluskan, adakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia mempunyai keupayaan mengawal semua koperasi yang berdaftar? Kita tahu bahawa SKM mungkin tidak mempunyai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Last two questions*, ya. Mungkin tidak mempunyai bajet dan pegawai yang mencukupi berbanding dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, maka bagaimanakah kerajaan memantau dari segi urus tadbir sebuah koperasi dapat dibuat? Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan skandal-skandal lama tidak berulang? Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik, 5 minit.

12.47 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut hendak membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020. Koperasi diiktiraf oleh kerajaan sebagai sektor ketiga dalam pembangunan ekonomi selepas sektor swasta dan kerajaan. Oleh sebab itu, perubahan yang hendak dilakukan ini mungkin sedikit sebanyak boleh membantu koperasi supaya lebih diminati oleh setiap ahli. Kita tahu, hampir 6 juta lebih menjadi ahli koperasi di seluruh negara. Akan tetapi saya berpendapat, koperasi di negara kita Malaysia ini agak tidak berjaya, gagal, yang berjaya seolah-olah cuma yang besar seperti Bank

Rakyat, LTAT. Akan tetapi majoriti di kampung-kampung, aset banyak tetapi *cashflow* nya ada masalah.

Oleh sebab itu, kerajaan kena tengok semula supaya walaupun pindaan yang dicadangkan ini hanya dari segi jumlah kehadiran kuorum dan pelbagai tetapi pindaan tersebut tidak menjamin koperasi boleh mencapai kejayaan dengan lebih baik. Oleh sebab kita melihat, koperasi-koperasi yang banyak berada dalam negara ini, bergantung besar kepada projek-projek kerajaan, itu masalah yang pertama. Masalah yang kedua, kalau kita bergantung kepada projek kerajaan dan juga anugerah, sebab contohnya, setengah koperasi mengharapkan tanah yang diberi oleh kerajaan, mendapatkan balak, mendapatkan pasir dan pelbagai. Akan tetapi dari segi *business* yang sepatutnya, tidak dijalankan yang menyebabkan ahli mengeluarkan saham, beli saham tetapi koperasi dilihat tidak berjaya. Kita juga melihat kesedaran ahli tentang koperasi.

Kalau kita jadi satu ahli koperasi, saya ambil contoh di Gerik, ada koperasi yang ahlinya sampai 4,000 tetapi ahli tidak memberi dokongan kepada koperasi. Kalaulah setiap ahli beli sebulan satu kampak beras, 4,000 ahli, akhirnya koperasi tadi pasti akan maju.

■1250

Di sinilah kerajaan kita kena tengok walaupun kita tahu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memantau mesyuarat koperasi-koperasi, sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada keseluruhan koperasi dalam negara ini boleh membantu koperasi berjaya untuk mencapai keuntungan.

Seperkara lagi saya melihat koperasi-koperasi yang berjaya dalam negara mesti melibatkan urusan kredit, maksudnya beri pinjaman secara kredit baharulah koperasi tadi ada untung. Sebahagian besar koperasi guru-guru akan memberi pinjaman. Soal beli tanah, soal beli rumah, kahwin dan pelbagai lagi.

Di sinilah kerajaan kena tengok semula supaya koperasi boleh memberi satu tempat baharu, tambah musim COVID-19 ini bagaimana koperasi ini boleh membantu keseluruhan? Jangan sekadar kita hendak mewujudkan seolah-olah koperasi menjadi NGO, tempat kita hendak luluskan peruntukan kita beri kepada koperasi. Apa yang penting ialah koperasi mesti ada daya tahan, mesti bersaing dan memberi pulangan. Setiap orang yang menjadi ahli koperasi ingin melihat pulangan yang ada pada koperasi.

Problem kita, lembaga pengarah tidak berfungsi dengan baik. Kita lantik lembaga pengarah yang banyak saham, yang tua, yang tiada idea, akhirnya koperasi tadi tidak mencapai kejayaan. Saya berharap dengan pindaan yang ini di samping kerajaan tengok semula perkara-perkara lain supaya koperasi ini kita perkasakan,

koperasi ini benar-benar membantu rakyat golongan atas, pertengahan dan di bawah sebab kita tidak hendak koperasi macam Bank Rakyat.

Sebenarnya penilaian saya lah Bank Rakyat berjaya tetapi berapa ramai di kalangan peminjam-peminjam Bank Rakyat menjadi papa kedana, menjadi muflis kerana hendak beli tanah, tanah tidak ada hasil dan pelbagai lagi. Saya berharap perkara tersebutlah kerajaan beri tumpuan kerana koperasi kalau betul diurus tadbir dengan baik *insya-Allah* koperasi akan memberi pulangan, akan membantu setiap ahli koperasi. Saya melihat masa cuma diberi sebanyak lima minit dan dengan ini saya menyokong...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau boleh minta penjelasan? Apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat koperasi-koperasi yang telah dipergunakan ataupun diperalatkan oleh along untuk pinjam meminjam. Seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dan perlahan-lahan koperasi itu berjaya tetapi sebenarnya dia dikawal oleh pemberi pinjaman yang hebat dalam masyarakat yang disebut along.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Benar Yang Berhormat Arau. Saya melihat perkara tersebut sebabnya ialah peniaga-peniaga sentiasa hendak mendapatkan pinjaman daripada bank yang berdaftar agak sukar maka mereka tiada pilihan pinjam daripada along. Along pula beri tawaran seolah-olah mereka seperti koperasi jadi itulah komen saya dan dengan ini saya tidak hendak mencuri masa yang lebih kerana saya terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua bagi kepada saya. Dengan ini saya menyokong RUU Koperasi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Lumut.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat dari Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Dungun, Dungun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Lumut, Lumut.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Oh! Yang Berhormat Lumut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tiada Yang Berhormat Lumut sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang. Selepas itu Yang Berhormat Arau ya.

12.54 tgh.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020, Akta Koperasi 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Pendeta Za'ba dalam buah fikiran beliau menekankan aspek pendidikan dan ekonomi bagi sebuah bangsa atau negara untuk maju dan membangun. Melalui jalur ekonomi ini, Pendeta Za'ba mengangkat konsep kerjasama melalui koperasi sebagai satu mekanisme untuk membasmi kemiskinan. Ini satu yang mulia, ini idea beliau sedekat yang lalu dan diangkat hingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti pindaan yang dicadangkan dan mendapati pindaan tersebut banyak yang bersifat teknikal dan asasnya adalah untuk memudahkan pendaftaran sesebuah organisasi ataupun koperasi. Selain rasional untuk memudahkan pendaftaran, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah sasaran dan semangat sebenar pindaan ini? Dalam menggarap semangat Pendeta Za'ba kerjasama melalui koperasi, saya maklum pindaan ini akan memberi peluang kepada lebih banyak penubuhan koperasi-koperasi.

Namun, saya ingin bertanya adakah kerajaan sudah mempertimbangkan kemungkinan pindaan ini akan membuka ruang kepada pemodal-pemodal besar untuk mengambil kesempatan mengumpul aset dan menyeleweng dana melalui sektor koperasi ini? Apakah dengan syarat yang lebih kecil ini kerajaan bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran koperasi keluarga? Jika ya, mungkin lebih baik untuk kita sebutkan secara khusus ini adalah pindaan sebagai koperasi keluarga.

Di samping itu, meskipun inisiatif ini, galakan ini baik namun saya ingin bertanya apakah langkah-langkah kawal selia yang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan koperasi sedia ada kekal aktif dan tidak bermasalah? Oleh sebab setakat Jun tahun ini sahaja. lebih sebanyak 3,000 koperasi berdaftar yang tidak aktif dan ini saya berasa percaya kerana mungkin terkesan juga dengan masalah COVID-19 dan ekonomi yang merudum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Tabung Modal Pusingan yang ditawarkan kepada koperasi seluruh Malaysia? Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat Menteri menyebutkan dalam sidang media beberapa bulan lalu sehingga Ogos 2020 pembiayaan Tabung Modal Pusingan tersebut telah mencapai sebanyak RM2.13 bilion bagi sebanyak 1,710 koperasi.

Kalau kita kira bandingkan dengan jumlah koperasi keseluruhannya sebanyak lebih 14,000, ini hanyalah sebanyak 12 peratus daripada mereka yang memanfaatkan Tabung Modal Pusingan ini. Ini jumlah yang agak kecil berbanding

dengan pembiayaan yang dikeluarkan. Mohon ada penjelasan terperinci mengenai perkara ini.

Seterusnya saya juga ingin penjelasan bagaimana koperasi memanfaatkan Tabung Modal Pusingan (TMP) ini yang dikeluarkan? Berapa banyakkah atau beberapa peratus yang dibayar balik? Berapa pula koperasi yang sudah gagal menjelaskan bayaran ansuran Tabung Modal Pusingan dan ada tak dikategorikan sebagai hutang lapuk atau dengan izin *bad debt*? Berapa bilangan koperasi yang sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, terkesan dengan kesan COVID-19 dan ekonomi koperasi, saya pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini apakah syarat pengeluaran sebanyak 50 peratus daripada kumpulan wang anggota boleh dilonggarkan supaya koperasi boleh memanfaatkan untuk koperasi yang mampu beli hartanah? Lebih-lebih lagi sekarang banyak hartanah yang sedang dijual.

Pada masa itu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah satu kajian akan dibuat kepada perundangan koperasi, bagi nafas baharu kepada koperasi, memudahkan aspek penubuhan, pelaksanaan dan pentadbiran dan ini saya sambut baik. Namun, saya harap dapat jawapan juga berkaitan dengan syarat sebanyak 50 peratus tersebut kerana saya tengok tidak ada dalam pindaan ini tetapi mungkin ada dalam Peraturan-peraturan Koperasi 1995.

Terakhir dan terkait apabila yang saya sebutkan tadi saya ingin menyentuh berkenaan dengan tempoh moratorium selama enam bulan yang telah berakhir pada hujung September lalu. Meskipun koperasi boleh mohon penjadualan semula bayaran balik pembiayaan TMP kepada Suruhanjaya Koperasi. Namun saya khawatir ada koperasi yang tidak mampu. Justeru, apakah langkah kerajaan?

Selain daripada penjadualan semula bayaran balik tadi, tidak mungkin kah moratorium dilanjutkan supaya koperasi boleh bernafas? Saya difahamkan SKM menerusi Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi telah salurkan sebanyak RM1 juta kepada sebanyak 320 koperasi di seluruh negara, itu pada Jun lalu.

Mohon dimaklumkan berapakah jumlah bantuan yang dikeluarkan daripada tabung berkenaan sehingga sekarang? Berapa banyak kah koperasi yang menerimanya mengikut negeri dan apakah kriteria pemilihan koperasi untuk menerima bantuan berkenaan? Itu sahaja perbincangan saya. Saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

12.59 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini kita ini ialah pembuat polisi dan kita bagi cadangan. Bukan ramai daripada kita ini *superman* yang hebat yang boleh bagi cadangan sehingga boleh mengubah suasana koperasi.

Ada kawan-kawan kita yang mengisytiharkan harta banyak kerana bermain saham tetapi sekarang saya ingat sudah terbakar tangan, sudah ada masalah, sebab apa? Beberapa masalah yang sepatutnya tidak timbul Tuan Yang di-Pertua. Tidak timbul tetapi kita timbulkan suasana politik yang tidak stabil, saham jatuh.

■1300

Ini satu perbuatan yang sebenarnya mereka tidak fikir masalah orang, hanya fikir masalah mereka. Cakap melepas-lepas dalam pasaran. Pasaran melihat politik tidak stabil, kedudukan Perdana Menteri tidak stabil, saham jatuh. Walaupun mulut kita lepas cakap hanya untuk melepas perasaan ataupun apa-apa tetapi melibatkan pasaran saham jatuh. So, berhati-hatilah mulut-mulut yang bercakap di Dewan ini supaya jangan koperasi pula timbul masalah.

Kita bukan *Superman*. Siapakah yang sebelum ini pakar main pasaran sehingga harga dia naik dia jadi kaya raya? Tolong beritahu sekejap. Orang hebat-hebat pun terjun jatuh kerana politik tidak stabil. Stabilkanlah politik Malaysia. Jaga mulut mu supaya jangan timbul keluh kesah yang boleh menyebabkan banyak benda yang baik kita boleh buat jadi tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini ia mungkin bagus dan mungkin juga boleh dipertimbangkan, tetapi saya kira hampir bagus iaitu pasaran pekerjaan sekarang, semasa— mengikut Jabatan Perangkaan, kita punya kadar pengangguran telah melonjak naik. Sekarang ini pengangguran kita meningkat kepada 48.8 peratus atau melibatkan 778.8 ribu orang. Dia meningkat. Ini meningkat.

Kelmarin, sebuah syarikat penerbangan mengurangkan pekerja daripada 9,000 kepada 980 orang. Sehingga pilot terpaksa jadi pemandu *Grab* dan lain-lain lagi. Ini adalah satu musibah yang harus dihadapi. Kita dah ada musibah pandemik COVID-19, hadapilah bersama. Jangan masukkan politik. Politik ini sabar sekejap, stabilkan. Jangan keluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh menyebabkan timbul syak wasangka sehingga lupa kata-kata yang selalu kita sebut, "*Bila kata sudah dikota, jangan ada dusta di antara kita*". Tunggu sekejap. Selepas ini kita boleh berbicara lain.

Jadi saya cadangkan supaya perniagaan yang dikuasai oleh orang asing ini koperasi ambil alih. Koperasi tidak payah fikir yang besar-besar itu sangat tetapi fikir yang ini. Banyak daripada peluang pekerjaan yang dikuasai oleh orang asing, yang diniagakan oleh orang asing.

Dulu orang asing kita benarkan untuk berniaga dengan modal RM5 juta. Sekarang modal RM10,000 pun dia boleh berniaga. Dia lari. Setengahnya bekerja jadi pembantu rumah, selepas satu tahun dia akan lari. Sebabnya dia ada sindiket yang luar biasa yang berlaku di mana dia lari tidak berhenti lari. Tanyalah semua orang yang ada di Parlimen ini, hampir semua ada cerita *maid* lari kerana ada sindiket di kalangan mereka yang mereka boleh mengumpulkan modal dan mereka berniaga.

Mereka tak tubuh koperasi orang asing, tetapi perniagaan mereka berjaya dan dia bertindak seolahnya dia satu koperasi. Ambil alih. Orang asing kena balik. Perniagaan peruncitan ini sepatutnya diambil oleh orang tempatan tetapi ini orang asing. Sekarang ini ada sekumpulan warga asing yang menguasai perniagaan runcit.

Karpet tidak payah cakaplah, Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Mungkin Tuan Yang di-Pertua beli karpet. Karpet itu memang dikuasai oleh orang asing. Malah dia hantar *Whatsapp*. Hari Merdeka dia hantar *Whatsapp*, *birthday* pun dia hantar *Whatsapp* dekat kita. Orang yang meniaga karpet. Jadi semua orang dapat *Whatsapp*. Dia ucap bahasa-bahasa yang cukup indah kepada kita sehingga tertarik hati untuk beli karpet.

Ini perniagaan asing yang sepatutnya orang tempatan punya tetapi diambil oleh orang asing. Koperasi ambil alih. Kerajaan suntikkan modal kepada mana-mana koperasi yang ingin mengambil alih perniagaan yang dikuasai oleh orang asing. Tuan Yang di-Pertua setuju dengan saya. Ini adalah cadangan yang terbaik yang pernah disuarakan di Parlimen ini. *[Ketawa]*

Perniagaan ini bukan sedikit. Duit yang pergi keluar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, duit yang keluar, pergi keluar yang dihantar balik, RM18 bilion. Makna kata hampir separuh daripada belanjawan negara itu duit kita pergi keluar kerana pekerja-pekerja asing yang sah dan juga tidak sah.

Jadi, saya syorkan supaya koperasi memikirkan perkara ini. Di antara suntikan yang kerajaan boleh bagi, terdapat RM2 bilion yang kita rasa kita belanja nampak dan ada yang tidak nampak, RM1 bilion *fund* untuk makanan. Ini ada yang disediakan, saya ingat buat melalui koperasi. Kemudian yang RM1 bilion lagi untuk *research*, jadi yang ini bagi kepada koperasi.

Koperasi sekarang kita bagi syarat-syarat membolehkan untuk mereka menubuhkan koperasi. Dalam masa yang sama, kita tolong untuk mendapat suntikan modal dan sebagainya. Jadi, kita permudahkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua— sepatutnya saya diminta bercakap jadi puncak yang penghabisan selama setengah jam, tetapi malangnya tidak dapat yang itu. Saya rela bagi kawan-kawan saya sebab saya berjuang untuk kawan-kawan,

bukan untuk diri ya. Biar kawan-kawan senang, tetapi saya pun hendak tumpang senang. Berjuang bersama, senang bersama. Jangan berjuang bersama, senang *hangpa* makan seorang ya.

Okey, mari tajuk ini balik. Iaitu supaya suntikan modal dipermudahkan kepada koperasi sama ada untuk memulakan perniagaan ataupun mengambil alih perniagaan yang dikuasai oleh orang asing sekarang. Hebatnya koperasi ini tahu tidak apa dia, Tuan Yang di-Pertua? Kehebatannya apa dia? Ada dua.

Pertama, dia ada *captive market*. Apa dalam bahasa Melayu? Pasaran tetap, *captive market*. Kedua, dia pasaran terbuka. *Captive market*, barangan keluaran koperasi boleh itu ahli-ahli yang beli, dia bagi diskaun.

Kedua, pasaran terbuka. Dua-dua ini cukup untuk menunjukkan koperasi supaya dia boleh berjaya. Cuma, disyaratkan supaya— oleh sebab kadang-kadang lembaga pengarah mungkin pemikirannya di lingkungan yang kecil, kita bantulah supaya pemikiran untuk berniaga ini dia di lingkungan yang lebih besar.

Saya juga mencadangkan supaya *supermarket*, *hypermarket* ini, kalau dia tidak boleh buka, dia kerja dengan *hypermarket* yang besar, yang saya rasa juga menghadapi masalah supaya dapat bekerjasama dan koperasi ini boleh berfikiran besar dengan menyertai orang besar. Pemikiran kecil, ambil alih semua pasaran pekerjaan dan juga perniagaan yang sekarang ini dikuasai oleh orang asing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi pada hari Rabu, 4 November 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.07 petang]